

GENERASI KEDUA FELDA, PEKERJAAN DAN MASA HADAPAN
(SATU KAJIAN KES DI TANAH RANCANGAN FELDA
SENDAYAN, NEGERI SEMBILAN)

MOHD SALMEE BIN MOHD SARI
NO MATRIK: 051670

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARI SYARAT! SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1989/1990

Senarai Jadual

	<u>Tajuk Jadual</u>	Muka surat
Jadual 1 ;	Kawasan /Pembangunan Tanah Matlamat dan Pencapaian	21
Jadual 2 ;	Pembangunan Tanah FELDA(RML)	24
Jadual 3 ;	Kawasan yang telah dibangunkan Mengikut jenis tanaman, sehingga tanun 3 Mei 1989.	25
Jadual 4 ;	Pertempatan peneroka,mengikut Jenis Tanaman, sehingga 3 Mei 89.	26
Jadual 5 ;	Pendapatan Bersih peneroka,1988.	29
Jadual 6 ;	Kemudahan-kemudahan Tanah Rancangan Sendayan.	37
Jadual 7 ;	Umur Responden	43
Jadual 8 ;	Status Responden	44
Jadual 9 ;	Taraf Pendidikan Responden	45
Jadual 10 ;	Menunjukkan bilangan adik beradik responden.	47
Jadual 11 ;	Menunjukkan tempat asal Responden	48
Jadual 12 ;	Corak pendapatan bapa responden sebelum memasuki tanah rancangan	50
Jadual 13 ;	Menunjukkan sebab mengapa kurang berminat untuk bekerja diladang.	54
Jadual 14 ;	Sebab mengapa mereka menyertai pertubuhan di tanah rancangan.	57
Jadual 15 ;	Struktur Tenaga buruh,dikalangan geberasi kedua,peringkat tiga FELDA Sendayan.	63

Jadual 16	;	Pekerjaan yang dilakukan oleh respo responden .	66
Jadual 17	;	Menunjukkan jenis kilang yang dimasuki	67
Jadual 18	;	Jumlah jam dan hari yang digunakan dalam pekerjaan di ladang.	74
Jadual 19	;	Jenis khusus/Jangkamasa.pusat INPUT Trolak.	87
Jadual 20	;	Pusat/sekolah latihan,khusus/Jangkamasa	90
Jadual 21	;	Menunjukkan penglibatan Responden dalam latihan kemahiran.	92

Senarai cartaTajuk carta

Carta i	;	Carta Organisasi Pentabiran Tanah	41
carta ii	;	Carta Organisasi FELDA	
Carta iii	;	Carta Maklumat asas tentang tanah rancangan.	40

Senarai petaTajuk Peta

Peta 1	;	Memenanjung Malaysia,Kedudukan projek	Lampiran
Peta 2	;	Sabah dan Sarawak,kedudukan projek FELDA	Lampiran
Peta 3	;	Petempatan Tanah rancangan	Lampiran.

Senarai GambarTajuk Gambarmukasurat

Gambar 1	; Menunjukkan Pejabat pentadbiran tanah rancangan	38
Gambar 2	; Menunjukkan Dewan Orangramai Tanah Rancangan.	38
Gambar 3	; Menunjukkan Sekolah Menengah Sri Sendayan	39
Gambar 4	; Menunjukkan Sekolah Agama —1 Tanah Rancangan.	39
Gambar 5	; Menunjukkan seorang responden bekerja di stor getah	70
Gambar 6	; Menunjukkan seorang pekerja di kedai PNF.	72
Gambar 7	; Menunjukkan kolam ikan yang diusahakan	77
Gambar 8	; Menunjukkan Bengkel Membaiki Motorsikal	77
Gambar 9	; Menunjukkan kedai jahitan	96
Gambar 10	; Projek Tanaman kontan persatuan Belia.	96

Sinopsis

Bab satu, merupakan bab pendahuluan, dimana pengkaji telah mengariskan aspek-aspek seperti tujuan kajian, bidang kajian, kepentingan kajian, keadaan penyelidikan dan masalah-masalah yang dihadapi secara am.

Bab Dua, Pengkaji cuba meninjau sejarah pembentukan FELDA, peranannya dalam pembangunan tanah, pertempatan dan pembangunan sosial peneroka. Dalam bab ini ditunjukkan pencapaian yang diperolehi oleh agensi ini. Bab ini juga menyentuh latar belakang kajian yang menyentuh aspek kawasan, penduduk, kemudahan-kemudahan tanah rancangan dan juga pentabiran.

Bab tiga, Membincangkan latar belakang responden yang dikaji terutama dari segi umur, status, taraf pendidikan serta latarbelakang keluarga peneroka selaku orang tua kepada responden. Bab ini juga meninjau sikap responden terhadap tanah rancangan. Keadaan ini dirasakan penting untuk dijadikan sandaran bagi memerhati penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tanah rancangan.

Bab empat, Dalam bab ini, cuba melihat pekerjaan yang dilakukan oleh responden. Bab ini juga mencari sebab mengapa mereka terlibat didalam pekerjaan berikut. Di sini dinyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden untuk mengusahakan ladang mereka, bab ini juga menilai masalah yang yang mereka hadapi dalam melakukan kerja-kerja yang lain.

Bab lima, Bab yang mengandungi maklumat dan data

'Secondary' serta maklumat yang diperolehi dari kajian. Apa yang cuba dilakukan ialah menilai sejauhmana rancangan FELDA untuk membantu generasi kedua wujud atau terlaksana di kalangan generasi kedua di tanah rancangan ini. Penglibatan ini cuba dilihat dalam dua keadaan, pertamanya penglibatan dalam latinan kemaniran dan keduanya melalui persatuan Belia. Dalam bab ini juga dinyatakan masalah masa kini yang menyebabkan generasi kedua hilang minat untuk terus tinggal di Tanah rancangan dan seterus tidak mengusahakan tanah walau itu milik ibubapa mereka sendiri.

Bab enam, Merupakan rumusan daripada bab dan juga Penutup kepada kajian yang telah dijalankan dan beberapa cadangan.

Daftar Kandungan

mukasurat

Dedikasi	()
Penghargaan	i-ii
Senarai Jadual	iii-iv
Senarai carta	iv
Senarai peta	iv
Senarai Gambar	v
Sinopsis	vii-viii
 Bab 1 ; Pendahuluan	 1-15
1.1 Pengenalan	
Tujuan kajian	
1.2 Bidang kajian dan batasan	
1.3 Kepentingan Kajian	
1.4 Keadah kajian	
a. Pemilihan tempat kajian	
b. Sampling	
c. Pengumpulan data	
i. Soal selidik	
ii. Pemerhatian/Penyertaan	
iii. Temuduga	
iv. Penyelidikan perpustakaan	
1.5 Masalah-masalah Kajian	
 Bab 2 ; Latarbelakang FELDA dan Kawasan Kajian 16-42	 16-42
2.1 Sejarah Pembentukan FELDA	
2.2 Peranan FELDA dalam Pembangunan Tanah	
2.3 Peranan FELDA dalam pembangunan pentempatan.	

- 2.4 Pembangunan sosial peneroka
- 2.5 Struktur Organisasi dan pentabiran
FELDA
 - i, Pendekatan Serba Lengkap
 - ii. Pendekatan bersepada
 - iii. Pendekatan Cooperative Farming *Pelan kerja?*
- 2.6 Latar belakang kawasan kajian
- 2.6 Latar Belakang penduduk
- 2.7 Kemudahan-kemudahan Tanah rancangan

Bab 3 ; Latar Belakang Responden yang dikaji. 42-59

- 3.1 Umur Responden
- 3.2 Status Responden
- 3.3 Taraf pendidikan Responden
- 3.4 Latar Belakang keluarga Responden
- 3.5 Tempat asal
- 3.6 Keadaan sesioa-ekonomi ketua keluarga responden sebelum memasuki Tanah Rancangan
- 3.7 Pandangan Generasi kedua terhadap Tanah Rancangan

Bab 4 ; Pekerjaan di kalangan responden Tanah Rancangan. 60-84

- 4.1 Konsep Pekerjaan
- 4.2 Tenaga Buruh Di Peringkat 3, Tanah Rancangan Sendayan.

4.3 Pekerjaan yang dilakukan oleh
Responden
i, Bekerja Makan Gaji
ii, Bekerja sendiri

4.4 Masalah-masalah pekerjaan

4.5 Pengangguran

u

Bab 5 ; Rancangan FELDA untuk Generasi Kedua 84-102
dan cabaran masa kini.

5.1 Rancangan FELDA

5.2 Generasi Kedua dan Latihan Kemahiran

5.3 Penilaian responden Dengan Latihan
Kemahiran

5.4 Pekerjaan Melalui Persatuan Belia
Tanah Rancangan Sendayan

5.5 Masalah untuk terus tinggal di
Tanah Rancangan.

Bab 6 ; Kesimpulan 103-110

Bibliografi.

Bab 1

Pendahuluan

Setelah mencapai 33 tahun usia FELDA (Federal Land Development Authority). Dalam tempoh tersebut banyak program pembangunan dijalankan. Pembangunan adalah fungsi utama FELDA, baik dalam pembangunan komuniti maupun dalam pembangunan tanah. Kejayaan-kejayaan agensi ini telah memberi satu perubahan kepada negara dalam menyusun masyarakat iaitu dengan memberi tanah bagi mereka yang tidak bertanah.

Kejayaan FELDA dalam menyusun masyarakat serta membasmi kemiskinan di kalangan peneroka memang tidak dapat dinafikan. Data-data yang menyokong kenyataan ini boleh diperolehi dari Ibupejabat FELDA di Kuala Lumpur, pejabat-pejabat yang boleh diperolehi dari kawasan wilayah-wilayah maupun pejabat di seluruh Tanah Rancangan.

1.1 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana Generasi kedua sanggup mengusahakan Tanah yang bakal diwarisi oleh mereka, keadaan ini lebih ketara masa kini iaitu sewaktu masalah pengangguran menjadi perhatian banyak pihak. Pengangguran yang wujud bukan dalam erti kata yang sebenar, peluang pekerjaan masih banyak terdapat terutama dalam sektor perladangan di Tanah Rancangan.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kerja-kerja yang dilakukan oleh Generasi Kedua di Tanah Rancangan serta melihat corak pendapatan mereka.

Di samping itu kajian ini juga bertujuan meneliti peranan yang dimainkan oleh FELDA selaku badan yang bertanggungjawab dalam perkembangan Tanah Rancangan terutama dalam membela nasib generasi kedua. Walaupun diakui sekarang taraf pendidikan yang tinggi boleh mengubah kehidupan seseorang, tetapi tidak semua yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dan seterus mencapai satu kedudukan yang baik. Oleh itu melalui kajian ini, cuba dibuat penilaian terhadap usaha-usaha yang dimainkan oleh pinak FELDA dalam, adakah usaha yang dijalankan membawa hasil yang baik.

Dari tujuan ini, wujud satu andaian. Apakah taraf pendidikan yang diperolehi oleh seseorang itu mempengaruhi tahap pekerjaan yang dilakukan oleh generasi kedua di Tanah Rancangan atau taraf pelajaran ini mendominasikan minat mereka kepada pekerjaan lain selain dari mengusahakan tanah.

Dengan memberi fokus kepada generasi kedua di sebuah Tanah Rancangan, iaitu kawasan kajian Tanah Rancangan FELDA Sendayan kajian ini telah dilakukan.

1.2 Bidang Kajian dan Batasan

Walaupun pada dasarnya kajian ini hanya diberi tumpuan pada Tanah Rancangan FELDA Sendayan, Negeri Sembilan. Namun pengkaji cuba menggambarkan situasi yang terdapat di lain-lain Tanah Rancangan. Dengan lain perkataan pengkaji cuba melihat secara mikro tetapi mengimplikasikannya kepada tahap yang lebih besar iaitu di peringkat makro.

Kajian ini terbatas kepada satu blok sahaja yang dijadikan sample. Blok tersebut ialah Blok 'K' di peringkat tiga Tanah Rancangan ini. Responden-responden dipilih secara rambang. Wujudnya keadaan ini malah, responden yang menjadi sasaran sama keadaannya dengan blok yang lain. Namun begitu dalam kes-kes yang tertentu pengkaji terpaksa mengambil responden dari luar kawasan kajian atau diluar ruang sample.³

Ini adalah disebabkan, dalam keadaan tertentu responden dalam sample sukar ditemui. Bagi memenuhi jumlah responden langkah ini perlu diambil. Di samping itu, kajian ini merangkumi penduduk setempat terutamanya ibubapa responden. Mereka dipilih dengan tujuan untuk melihat latarbelakang keluarga responden, menilai pendapat responden serta sikap mereka kepada generasi kedua amnya

dan anak mereka knususnya.

Sebagai satu pemyempurnaan kepada keseluruhan kajian, data-data secondary cuba diperolehi dari Ibupejabat FELDA di Kuala Lumpur, untuk melihat peranan yang dimainkan oleh pinak FELDA dalam melaksanakan dasar-dasar serta perancangan untuk Generasi kedua.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk generasi kedua. FELDA telah berkembang 33 tahun. Kejayaan dalam memenapkan semula masyarakat yang tidak bertanah dan membuka tanah memang tidak dapat dinafikan. Namun begitu FELDA tidak boleh lari darimenghadapi persoalan-persoala baru yang harus diselesaikan dengan segera. Contoh yang paling ketara ialah masalah Generasi Kedua.

Semakin dewasa umur FELDA atau sesuatu Tanah Rancangan, kumpulan anak peneroka ini semakin besar jumlahnya dalam masyarakat Tanah Rancangan. Mereka adalah bakal pengganti kepada generasi yang sedia ada sekarang. persoalannya sekarang, kemanakah arah hendak dihalakan golongan ini.

Apabila golongan anak peneroka ini tiba ke

usia dewasa, mereka turut memerlukan pelbagai keperluan yang beraneka bentuk dan rupa, maka ternyata tangan FELDA selanjutnya ialah untuk menolong anak peneroka ini baik dari segi pembangunan kerohanian dan jasmani bermula dari peringkat anak sehingga ke peringkat dewasa.

Melalui kajian ini, cuba mengenangkan keadaan generasi kedua di Tanah Rancangan, terutama dari segi pekerjaan serta masalah-masalan yang mereka hadapi. Sebagai anak peneroka mereka lebih menumpukan pekerjaan lain dari melakukan kerja-kerja ladang. Apa yang mempengaruhi minat mereka masih menjadi satu persoalan. Penguraian masalah-masalah ini melalui kajian yang dijalankan diharapkan dapat memberi pentunjuk kepada pihak-pihak tertentu khususnya pihak FELDA bagi menyelaraskan cara yang terbaik untuk membaiki keadaan mereka.

1.4 Keadah Kajian.

a) Pemilihan Tempat Kajian.

Rancangan FELDA Sendayan adalah kawasan kajian yang memandangkan pengkaji pengkaji tinggal di kawasan berhampiran dengan Tanah Rancangan ini. Pada awalnya ternyata sukar untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekiling, pengkaji tidak

terlepas dari diragui dikalangan peneroka disini. Pada pandangan pengkaji untuk mendapatkan satu rumusan pengkajian yang memuaskan seseorang itu mesti mengetahui dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekiling serta boleh melibatkan diri secara keseluruhan didalam masyarakat yang dikaji. Oleh sebab itu semasa kajian ini, pengkaji menetap di rumah saudara yang kebetulan menjadi pemeroka di Tanah Rancangan tersebut. Melalui cara ini pengkaji sedaya upaya beramah mesra bagi memenuhi hasrat kajian ini.

Satu masalah yang harus dihadapi dalam menjalankan kajian ini ialah perbelanjaan. Seperti pelajar-pelajar lain perbelanjaan ini ditanggung sendiri oleh pengkaji. Oleh kerana pengkaji mempunyai keluarga sendiri, maka perbelanjaan untuk tempat tinggal, makanan serta pengangkutan tidak diperlukan. Dengan ini pemilihan kawasan kajian ini dapat menjimatkan kos.

b) Sampling.

Pada peringkat awalnya, pemilihan sampel ini agak sukar dan mengambil masa, jumlah peneroka yang tinggal di kawasan ini adalah seramai 513 buah keluarga peneroka, ini tidak termasuk jumlah anak-anak yang terdapat dalam keluarga itu. Jadi untuk memilih satu jumlah yang kecil adalah sukar kerana individu yang hendak dipilih itu perlu mewakili satu jumlah yang lebih besar. Dalam erti kata yang lain,

data yang diperolehi dikumpulkan dari individu-individu yang kecil bilangannya secara relatif dapat memberi gambaran tentang situasi yang dikajikan itu,

' Sampling may be defined as a process by which a research analyst can infer the characteristics of large body of respondent commonly referred to as universe or population, by examining of interviewing of selected group of them'⁴

Kajian ini bermula di satu peringkat di Tanah Rancangan ini, iaitu peringkat 3. Dalam peringkat ini terdapat 4 blok Blok tersebut ialah blok K, J, M, N. Pengkaji mengambil satu blok iaitu blok K. Blok ini dipilih berdasarkan kesesuaian tempat dan tempat tinggal semasa. Pemilihan ini memudahkan pengkaji untuk berhubung dengan peneroka, dari blok ini pengkaji telah memilih 40 orang responden. Responden ini dipilih secara rawak tetapi dalam kes-kes yang tertentu responden dari luar diambil. Sebabnya seperti yang diberitahu pada awal tadi. Melalui responden-responen ini data-data diperolehi.

c) Pengumpulan data.

Data-data telah diperolehi melalui kajian yang dibuat selama lima bulan, termasuk tiga bulan semasa cuti semester yang lepas dimana dua minggu pengkaji menjalankan

keadaan kajian penyertaan dan pemerhatian di kawasan kajian. Dalam tempoh itu juga selama dua bulan pengkaji terpaksa berulang-alik ke kawasan kajian bagi memperolehi maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan penulisan ini. Semasa kajian beberapa cara digunakan untuk mendapatkan maklumat, Antaranya ialah; -

i) Soal Selidik

Melalui cara ini, pengkaji menyediakan satu set soal selidik. Tiap-tiap satu kertas soal selidik dijawab oleh responden, terdapat dua bentuk soalan iaitu soalan bentuk Open ended dan Close ended.

Dalam bentuk pertama, 'Open ended' ia dikenali juga sebagai unstrurured Questionnaire. 'Open ended' ini dimaksudkan juga sebagai,

'The possible responses are contained in the question, so that the respondent merely has to select the catogery ideast to his position'.⁵

Sementara soalan yang berbentuk close-ended pula adalah dimaksudkan sebagai,

'One in which the topic given is structured but is given the test of answering in his own word , structuring answering as he sees fit and speak at what ever length'.⁶

Bagi memenuhi soal selidik di atas, pengkaji sendiri telah berkunjung dari rumah ke rumah untuk mendapatkan temubual

dengan responden. Cara begini bertujuan untuk mengelakan sebarang ketidakfahaman dikalangan responden.

Soalan yang dikemukakan adalah tidak panjang, soalan memakan masa selama setengah jam sahaja, tetapi apa yang mengambil masa ialah ialan kerana, sebagai seorang asing pengkaji terpaksa memperkenalkan diri terlebih dahulu serta menyatakan tujuan pengkajian ini. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang syak wasangka responden kepada pengkaji. Masalah juga timbul dikalangan responden wanita, sebelum menemubual kebenaran ibubapa diperlukan. Semua ini memakan masa.

ii.) Pemerhatian dan Penyertaan

Ini adalah satu keadaan yang dianggap paling sesuai dalam mendapatkan data-data yang bersifat kualitatif. Penggunaan metode ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan data tetapi untuk merasai apa yang dihadapi oleh peneroka Tanan Rancangan ini. Terdapat beberapa sebab mengapa keadah ini dipilih semasa kajian dijalankan.

Pertama, Sebagaimana yang disarankan oleh Moser (^w) keadah ini dapat menampung kelemahan yang terdapat dalam keadah 'interview', umpamanya menerusi borang soal selidik kita tidak dapat mengumpul data-data yang bersifat kualitatif seperti sikap, minat dan sebagainya. Melalui

keadaan sifat kualitatif ini dapat diukur atau dinilai.

Kedua, data-data yang diberikan oleh responden adalah berdasarkan apa yang diingati sahaja. Dalam keadaan tertentu kita tidak boleh memaksa responden menjawab dengan tepat. Keadaan ini jika tidak diambilkira boleh menjelaskan kajian. Melalui keadaan ini masalah ini dapat diatasi dengan menyertai mereka di Tanan Rancangan. Ini memudahkan untuk melengkapkan sesuatu maklumat.

Ketiga, Tidak semua laporan dan jawapan yang diberi oleh peneroka itu benar adalah betul dan benar. Keadaan ini wujud bilamana responden cuba menjaga kepentingan mereka . Dengan penyertaan ini, pengkaji dapat mengetahui perkara yang sebenar.

Kajian ini dapat mengujudkan suasana yang lebih baik di antara pengkaji dengan mereka yang hendak dikaji. Hakikat ini nyata sekali kerana melalui cara ini kita dapat bergaul dengan masyarakat setempat.

d) Temuduga

Keadan ini digunakan untuk melengkapkan lagi maklumat yang didapati dari soal-selidik, Temuduga ini dilakukan dalam dua bentuk. Pertama, bentuk informal atau perbualan biasa, ia dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai sesuatu yang berlaitan dengan

pengkajian ini. Perbualan ini dilakukan sewaktu duduk dengan kumpulan sasaran terutama disebelah petang, sewaktu bermain dan duduk dikedai minuman. Perbualan tak formal ini dilakukan dengan penyelia yang ditemui samada dipejabat, di kawasan ladang mahupun semasa aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa pengkaji membuat kajian. Soalan-soalan ~~biasa~~ tidak mengikuti set soalan soal-selidik tetapi persoalan yang diajukan ~~masa~~ tidak lari dari matlamat kajian.

Keduanya temuduga secara formal, sebelum temuduga ini diadakan pengkaji terpaksa membuat temu-janji terlebih dahulu. Biasanya mereka yang hendak ditemui ialah pengurus Tanah Rancangan, ketua-ketua pertubuhan sozial yang terdapat di Tanah Rancangan serta pegawai-pegawai berkenaan di Ibupejapat FELDA di Kuala Lumpur, di samping menemu duga pengkaji cuba mendapatkan data-data secondary bagi melengkapkan kajian ini. Persoalan-persoalan yang adalah berlainan dengan soal selidik untuk responden. Walaubagaimana pun persoalan yang ditimbul masih mempunyai kaitan dengan tujuan kajian.

e) Penyelidikan Perpustakaan

Sebelum dan selepas kajian pengkaji terpaksa membuat penyelidikan perpustakaan. Rujukan-rujukan dari

buku-buku yang berkaitan dilakukan bagi meyempurnakan lagi kajian ini. Melalui cara ini telah memberi banyak pandangan generalisasi kepada pengkaji tentang FELDA. Penelitian terhadap penulisan awal tentang tajuk ini boleh dijadikan perbandingan bagi melengkapkan kajian ini.

1.5 Masalah-masalah Kajian

Pertamanya, Penyesuaian dengan persekitaran pengkaji adalah orang luar, berlainan dengan penulisan latihan Ilmiah tentang FELDA dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi sebelumnya. Pengkaji-pengkaji mempunyai latarbelakang Tanah Rancangan*. Walaubagaimanapun berdasarkan minat terhadap pengkajian kajian ini terus dilakukan, walaupun mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan penduduk setempat.

Keduanya, Masalah semasa kajian iaitu kesukaran untuk bertemu dengan responden. Sebilangan besar dari responden tiada di sebelah pagi dan sebelah petang. Ini menyukarkan pengkaji untuk bersoal jawap dengan responden baik lelaki maupun perempuan. Bagi perempuan mereka bekerja dari pagi hingga ke petang. Nyata masa merupakan faktor utamanya.

*Antaranya;

Ishak Radzi Latihan Ilmiah sesi 1983/84
Dahari Derani Latihan Ilmiah sesi 1983/84
Mohd Amin bin Abdullah Sani sesi 1987/88
Rohana Abdul Rahman sesi 1984/85

Bagi mengatasi masalah ini pengkaji telan mencari waktu yang sesuai umpamanya, bagi lelaki pengkaji memilih pada waktu malam dan perempuan pula dihari cuti pada hujung minggu. Jika gagal pengkaji meninggalkan soalan-soalan dan bila ada waktu sesuai pengkaji pergi mengambil soalan-soalan berikut.

Keduanya, pengkaji juga menghadapi masalah untuk bersoal jawap dengan responden. Responden semacam teragak agak untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Responden diselubungi perasaan takut dan malu. Takut jawapan boleh menjelaskan kedudukan mereka. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menerangkan kedudukan yang sebenar, soalan yang ditanya telah mendapat kebenaran dari pihak pengurusan Tanah Rancangan.

Ketiganya, masalah keluar dari tajuk adalah juga satu masalah yang dihadapi. Kebiasaan pemuda ini tidak merminat untuk membincang soal-soal yang agak formal. Oleh itu untuk menarik minat mereka, pengkaji terpaksa berbual dengan topik yang diminati. Walauhagaimanapun pengkaji cuba mencari peluang untuk membawa kepada perbualan yang berkaitan dengan kajian.

Keempatnya, pengkaji juga menghadapi masalah dalam mendapat kerjasama dari ketua-ketua dan perbadanan atau pertubuhan yang terdapat dalam tanah rancangan. Contohnya, ketua pergerakan wanita, (GPW) yang begitu sukar ditemuduga.

Bagi memperolehi sesuatu yang peribadi bagi responden juga adalah sukar, di kalangan ibubapa mereka juga begitu terutama dalam memberi pandangan terhadapa masa hadapan anak mereka bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menyakinkan mereka akan segala kepentingan kajian. Disebabkan kesukaran untuk bertemu dengan ketua pergerakan wanita, sehingga berakhirnya kajian ini ia masih tidak ditemubual.

Akhirnya, masalah perbelanjaan. Segala perbelanjaan kajian ditanggung oleh pengkaji. Terutama dalam menyediakan borang soal selidik dan kos berulang alik dari kawasan kajian Walaubagaimanapun masalah ini dapat diatasi dengan bantuan keluarga.

Bahan-bahan rujukam

1. Laporan Tahunan Felda, Penerbitan FELDA, 1987
hal 5.
2. Dahari Derani, Tesis; Kerja-kerja sampingan di Rangangan FELDA Pason. Simpang Pertang, Kuala Pilah Negeri Sembilan. hal 10
3. Hassan Nuzairi, Tesis, Generasi Kedua FELDA Negeri Melaka. Jabatan pengajian Melayu, 1979/80, hal 15
4. Backtrom, G. H anf Hursh; G. d survey Research North Western press Illinois. 1913 hal 36
5. Fastenger and Katzs, Research Methode in Behavioral Sciences, Rolt .Rine Hart and winston.U.S.A 1955
hal 351
6. Ibid hal 351
7. Moser and Kalton ; Survey Methode In Sciences investagation. 2ndeditition.London, 1971 hal 245.

Bab 2

Latarbelakang FELDA dan Kawasan Kajian.

2.1 Sejarah Pembentukan FELDA.

FELDA atau Lembaga Kemajuan Tanah persekutuan telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956. FELDA adalah satu agensi pembangunan tanah dan pertempatan semula komuniti luar bandar. FELDA telah ditubunkan di bawah ordinan Kemajuan tanah bil(20) yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan pada tarikh penubuhan agensi ini. Ia ditabirkan oleh sebuah lembaga yang bertanggungjawab kepada yang berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah.¹ Dalam ordinan itu telah menyatakan;

' There was in this country a very real need for planned and co-ordinated development of land so as to ensure that economic development goes hand in hand with social development.'

Kewujudan FELDA, awalnya lahir dari hasrat kerajaan yang ingin mengkaji dengan teliti keperluan-keperluan kerajaan negeri Semenanjung Malaysia di dalam penerokaan Tanah-tanah baru. Hasilnya pada 1955, sebuah badan pertugas telah dibentuk. Badan pertugas ini bertanggungjawab untuk mengemukakan syor syor tentang organisasi yang sesuai bagi menguruskan bantuan yang akan, dengan menumpukan khas keatas aspek kewangan dan pentabiran. Maka hasil dari kajian Badan Petugas ini, terbentuklah FELDA yang bertujuan untuk

'...to promote and assist the investigation formulation and carrying out of projects for the development and settlement of land in the federation.

(Federation of Malays. 1969 p.g 3)

Setelah 35 tahun FELDA menjalankan usahanya didalam proses pembukaan dan pembangunan Tanah, objektif agensi ini dapatlah dirumuskan seperti berikut.¹

- i. Membuka dan memajukan Tanah untuk dijadikan kawasan perladangan dan pertempatan.
- ii. Menempatkan rakyat yang tidak bertanah dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.
- iii. Melaksanakan pembangunan secara besepadu dengan mengadakan kemudahan awam dan khidmat untuk meninggikan taraf ekonomi dan masyarakat peneroka.
- iv. Menjalankan kegiatan sosial dan kerohanian bertujuan memberi keluarga peneroka galakkan untuk menjadi rakyat yang berdisiplin, progresif dan bertanggungjawab.
- v. Mengadakan kemudahan memproses, pemasaran pengangkutan dan lain-lain aktiviti yang boleh Memberi pulaangan optimun kepada peneroka.

Di peringkat awalnya, FELDA bertanggung jawab untuk menguruskan skim-skim Tanah di bawah kuasa-kuasa lembaga negeri Semenanjung Malaysia. Perkara ini didapati melambatkan sesuatu program. Terdapat juga keadaan di mana FELDA terpaksa

merujuk kepada kerajaan negeri dan pusat, dalam usaha menjalankan sesuatu projek. Lantaran itu pada tahun 1960 peranannya telah diubah. FELDA tidak lagi menjadi sebagai loan Board bagi kerajaan negeri tetapi sebaliknya bertanggung jawab terus merancang, membuka tanah, membiayai dan mentabir semua pemenpatan peneroka di skimnya sendiri. FELDA juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan tugas semua jabatan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan tanah.

dilanjutkan
berikutnya

Apabila peranannya bertukar, sudah sewajarnya berlaku perubahan dalam polisinya. Pada tahun 1960 FELDA telah merumus tujuan seperti berikut,

- i. Memajukan kawasan hutan yang primary dan secondary yang perlu untuk kawasan pertanian dan lain-lain kegiatan yang berunsurkan pertanian.
- ii. Di setiap tanah yang hendak dimajukan seharus ada juga pemenpatan.
- iii. Kedudukan ladang hendaklah sekurang-kurangnya tidak lebih dari 2/3 batu dari kawasan kediaman Saiz ladang hendaklah 2.40 hektar bagi ladang getah iaitu 0.17 hektar untuk lot rumah dan 1.56 hektar untuk kawasan ladang, 0.6 hektar untuk lain-lain tanaman. Bagi ladang kelapa sawit ialah 2.83 hektar. (0.7 hektar untuk lot rumah, 2.2 hektar untuk ladang dan 0.44 untuk tanaman lain.
- iv. Mengadakan sistem pentabiran sepenuh masa di peringkat rancangan untuk menyediakan projek dari permulaan lagi.

- v. Pemilihan peneroka adalah mereka yang berusia antara 21-50 tahun, sudah berkahwin sihat tubuh badan, tidak bertanah atau memiliki sekurang-kurangnya 0.44 hektar tanah, mempunyai latar belakang pertanian sanggup bekerja keras dan mematuhi syarat kemasukan.
- vi. Memberi bantuan kewangan kepada peneroka selama dua tanun.
- vii. Menggalakkan kerja secara kolektif.
- viii. Menentukan kelincinan pentabiran dalam proses pemasaran melalui syarikat Kerjasama.
- xi. Mengadakan Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan dan mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil peneroka.
- x. Mengadakan perkhidmatan Kemasyarakatan (sekolah, bekalan air, jalan raya dan sebagainya)

Dalam rancangan pembangunannya, FELDA sedaya upaya menempatkan seberapa banyak rakyat yang tidak bertanah dengan tujuan meningkatkan lagi taraf kehidupan dengan memperkenalkan satu corak pertanian yang lebih moden. Selaras dengan itu satu corak pembangunan yang bersepadu cuba dilaksanakan terutama dalam meningkatkan lagi tahap ekonomi masyarakat peneroka.

Peranan ini lebih ketara bila FELDA merancang membina dan mengendalikan kilang memproses, pemasaran dan pengangkutan yang lebih moden dan lain-lain aktiviti yang boleh memberi pulan yang lebih optimun kepada peneroka.

Dalam membuka sesebuah tanah rancangan, beberapa faktor diambil kira. Agar memenuhi matlamat yang digariskan. Ini termasuklah hak milik tanah tersebut mestilah bebas. Kesesuaian tanah juga penting, kriteria ini diambil kira adalah untuk menjamin pulangan yang lebih baik nanti. Aspek ini diambil kira kerana ingin mengurangkan perbelanjaan dalam pembangunan sesebuah Tanah rancangan.

Pihak FELDA tidak hanya menumpukan perhatian kepada pembangunan tanah sahaja tetapi pembangunan yang berkaitan dengan masyarakat juga dititikberatkan. Kebiasaannya sesebuah tanah rancangan itu disediakan dengan beberapa kemudahan asas. Pada kelaziman tempat kediaman diletak di tengah kawasan pertanian, ini adalah untuk memberi kemudahan kepada peneroka untuk berulang alik dari tempat kediaman ke kawasan ladang.

2.4 Peranan FELDA dalam pembangunan Tanah

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), FELDA dijangka akan membuka tanah seluas 175,500 hektar dengan kadar 35,100 hu setahun, manakala penempatan peneroka pula ialah 30,000 keluarga dengan kada[✓] 6,000 keluarga setahun.⁴

Matlamat pembangunan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia ke empat dan pencapaiannya adalah seperti berikut.

Jadual 1

Kawasan/Pembangunan Tanan; Matlamat Pencapaian.

Rancangan Malaysia	Matlamat Hektar	Pencapaian hektar	pencapaian
Pertama(1966-1970)	64.442	72.459	112.4
Kedua (1971-1975)	163,089	170,171	104.3
Ketiga (1976-1980)	202.089	212,859	105.2
Keempat(1981-1985)	161.582	168.028	104.4
	591,202	623,517	105.4

Sumber; Ibupejabat Kuala Lumpur.

Ternyata apa yang ditunjukkan dalam jadual 1 menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Pencapaian melebihi dari matlamat awal. Ini jelas menunjukkan kejayaan yang ditunjukkan oleh agensi ini. Kejayaan ini terbukti dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima(1986-1990), matlamat awalnya ialah 175.000 hektar atas purata 35,000 setahun. Dalam Jadual 2(muka surat 23) pencapaian dua tahun pertama dalam RML melebihi dari matlamat awalnya. Dalam tahun 1986 pencapaiannya 35,994 hektar manakala 1987 seluas 35,241 hektar tanah telah dibuka.

Jadual 2

pembangunan Tanah RML

Jenis Tanaman	Target RML nektar	86	se penar	88	Dirancang	jumlah
		86	87	88	89	90
Sawit	114,182	33,303	28,483	27,271	25,320	24,548
koko	27,352	-	2,273	1,415	1,520	4,575
Tebu	22,542	-	2,113	5,200	5,432	3,480
kopi	-	-	751	565	510	531
Sawit/koko	-	-	800	990	1,089	1,089
Perkampungan	1,424	2,691	1,621	1,045	2,292	1,289
Jumlah	166,138	35,994	35,241	36,296	36,055	35,512
Jum. terkumpul	-	35,994	71,235	107,531	143,531	143,589
% terkumpul	-	20.5	40.5	61.3	81.8	102.1

Sumber; ibu pejabat Kuala Lumpur.

Jadual 3

Kawasan yang telah/sedang dibangunkan mengikut jenis

jenis tanaman, sehingga 31 Mei 1989.

Tanaman	Bil.Rancangan	keluasan	peratus
Sawit	319	559,811	68.0
Getah	122	186,463	22.6
koko	11	21,024	2.6
Tebu	2	5,118	0.6
kopi	0	806	0.1
Sawit	0	1,378	0.2
Jumlah	454	775,487	94.0
Kampung/bandar	-	49,155	6.0
Jumlah	454	824,642	100.0

Sumber; ibupejabat Kuala Lumpur.

Dari jadual menunjukkan tanaman yang banyak ditanam ialah kelapa sawit dan getah(twin crop). Ini memandangkan potensi nya dalam pasaran dunia. Ini diikuti oleh lain-lain tanaman Jumlah pembangunan tanah yang digunakan untuk dua tanaman ini melebihi 80% dari jumlah keselurunan.

9

2.3 Peranan FELDA dalam pembangunan penempatan

Pembangunan penempatan adalah salah satu dari peranan yang dimainkan oleh pinak FELDA dalam memajukan sesebuah Tanah Rancangan. Pertempatan yang dibangunkan sesuai dengan hasrat untuk menyusun semula masyarakat. Peneroka diletakkan di dalam satu kawasan yang tersusun dan selesa. Keadaan yang berbentuk kampung tradisional cuba dielakkan. Di sesebuah kawasan pertempatan itu diletakkan dengan pelbagai kemudahan bagi kesenangan para peneroka.⁵

Dalam tempon Malaysia kelima, matlamat penempatan peneroka ialah 30.000 keluarga. Sejumlah 6.097 keiuarga telah ditempat pada tahun 1987. Ini merupakan pencapaian 101.6% daripada matlamat penempatan tahunan seramai 6.000 keluarga. Jumlah terkumpul pereoka di 298 buah tanah rancangan sehingga akhir tahun 1987 ialah 106,510 keluarga, dimana seramai 7,583 keluarga atau 7.1 % ditempatkan di 53 rancangan sistem saham dan 98.927 atau 92.9% di 236 rancangan sistem pemilikan.

Anggaran ini dapat dilihat dalam jadual 4.

Jadual 4

Pertempatan peneroka mengikut negeri dan jenis Tanaman sehingga

31 Mei 1989.

Negeri	Bil.Ranc Berpeneroka	Bilangan Peneroka			Jumlah	peratus
		Sawit	Getah	Koko		
Pahang	113	34,300	9,354	-	43,654	38.5
Jo̷or	74	20,245	7,063	109	27,417	24.2
N.Sembilan	48	2,654	14,582	-	17,236	15.2
Terengganu	21	6,476	1,449	-	7,916	7.0
Perak	16	2,898	3,009	-	5,907	5.2
Kedah..	10	-	3,216	--	3,216	2.8
Kelantan	10	2,795	-	-	2,795	2.5
Selangor	7	1,449	940	-	2,389	2.1
Melaka	5	-	1,328	-	1,328	1.2
Perlis	3	-	442	-	450	0.8
Sabah	7	675	-	-	675	0.6
Sarawak	-	-	-	-	-	-
Jumlah	314	71,492	41,374	109	113,452	100.0
Peratus		63.0	36.5	0.1	0.4	100.0

Sumber : Ibu pejabat Kuala Lumpur.

2.4 Peranan FELDA dalam pembangunan Masyarakat peneroka.

Selaras dengan usaha pembangunan tanan, pembangunan peneroka juga diambil kira. Ini bertujuan untuk mengujudkan masyarakat peneroka yang lebih berdikari, progresif dan bertanggungjawab. Bagi mencapai matlamat ini FELDA telah mengadakan program pembangunan soial dan kemasyarakatan yang meliputi semua aspek kehidupan peneroka.

Antara yang dilakukan ialah dengan tertubuhnya Jawatan Kuasa Kemajuan Tanah Rancangan. Penubuhan ini bertujuan untuk mendapatkan penyertaan peneroka diperingkat rancangan wilayah, dan jawatan kuasa perunding di peringkat Nasional Ketua peneroka dan penerokawati melalui JKRR bergabung usaha dan tenaga dengan pentabiran FELDA dalam usaha membangunkan masyarakat peneroka. Sistem tiga lapisan jawatan kuasa di-peringkat Rancangan, wilayah dan Nasional merupakan organisasi dan sistem perwakilan bagi menyalurkan penglibatan dan penyertaan.

Keadaan ini lebih jelas dengan penglibatan peneroka terutamanya di dalam perniagaan, penglibatan peneroka terutamanya dalam bidang perniagaan. Peneroka digalakkan menjalankan projek sampingan dan projek perniagaan khasnya melalui koperasi peneroka. Sehingga tahun 1989 sebanyak 223 buah koperasi telah didaftarkan dirancangan dengan keahlian seramai 90.000 orang.

Sebagai modal pusingan penjalanan tabungan ini, sejumlah \$10 juta telah disumbangkan oleh FELDA dan perbadanan, Sebanyak \$2.5 juta telah diperuntukan bagi projek usaha sampingan peneroka. Jumlah pinjaman yang dikeluar hingga kini sebanyak \$2 juta. Pada masa yang sama \$15.071,300 telah dilaburkan, sebanyak \$2 juta darinya telan dilaburkan didalam permodalan FELDA.

Asas pembangunan yang dijalankan oleh FELDA ini adalah untuk membasmi kemiskinan. Kemiskinan yang tertinggi adalah dalam sektor pertanian. Pembangunan tanah merupakan strategi terpenting kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan di sektor luar bandar.

Pemilihan dan penempatan semula yang tidak bertanah dari kawasan luar bandar ke Tanah Rancangan FELDA telah membawa perubahan dari pertanian cukup hidup kepada tanaman komersial bercorak moden. Mengubah nasib mereka dari kumpulan miskin kepada golongan bukan miskin, dari pendapatan bulanan \$100-\$150 tetapi melalui skim penerokaan ini peneroka boleh mendapat antara \$400 sebulan atau lebih.

Dalam tahun 1985, 60% daripada isirumah bagi golongan miskin adalah dari sektor pertanian, iaitu sebanyak 719,200 isirumah, Pada asasnya bolehlah dikatakan FELDA telah dapat mengubah nasib 111.728 keluarga peneroka kepada golongan yang bukan miskin atau sebanyak 15.5% dalam usaha kerajaan

simle?

membasmi kemiskinan. Ini juga bermakna FELDA telah memberi sumbangan yang besar kepada pencapaian salah satu Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan.

Jadual 5

Pendapatan Bersih peneroka tahun 1988

Luas pemilikan ladang(hektar)	rancangan Sawit	Rancangan Getah
6	-	\$528
7	-	\$532
8	-	\$706
9	-	\$800
10	\$789	\$893
12	\$859	\$1,297
14	-	-
Purata	\$871	\$721

Sumber; ibupejabat FELDA

Dari jadual 5, purata pendapatan peneroka di Tanah Rancangan adalah tinggi. Skim tanaman kelapa sawit peneroka memperolehi purata sebanyak \$871 manakala tanaman getah peneroka mendapat purata pendapatan sebanyak \$721.

2.6 Struktur Organisasi dan pentabiran FELDA.

Corak pentabiran yang digunakan oleh FELDA dapat dibahagi kepada tiga peringkat.

- i. peringkat I bupejapat
- ii. Peringkat Wilayah.
- iii. peringkat tanah rancangan

Susunan Organisasi di peringkat I bupejabat FELDA dapat dilihat dalam carta begitu juga dengan organisasi Tanah Rancangan. Ini boleh dilhat dalam lampiran.

Dalam menjalankan pentabiran terdapat 3 pendekatan yang digunakan.

- i. Pendekatan serba lengkap
- ii. Pendekatan Bersepadu
- iii. Pendekatan sistem cooperative Farming

i. Pendekatan serba lengkap

Pendekatan ini telah digunakan oleh pihak FELDA, pendekatan ini meliputi semua aspek.

' Satu penglibatan penuh FELDA pada proses pembangunan tanah termasuk menerang hutan, menanam tanaman utama. Pembangunan kawasan kampung, pemilihan dan penempatan peneroka, kemudahan infrastruktur, penyusunan diperingkat rancangan, khidmat pemerosesan, pemasaeran dan pembangunan sosial.'

i. Pendekatan Bersepadu

Menekankan kepada aspek kerjasama dalam pelbagai aspek yang berkaitan seperti kemudahan perubatan, bekalan air dan sebagainya. Program ini dilancarkan dengan kerjasama dari pelbagai jabatan dan agensi yang berkenaan. Dengan ini diharapkan dapat mengujuudkan keharmonian ekonomi yang lebih baik di kalangan peneroka.

ii. Pendekatan Cooperative Farming.

Satu bentuk pendekatan untuk pengurusan ladang sebagaimana yang telah dipersetujui dalam 'Regional Seminar' di New Delhi India pada bulan MEI 1966 bermaksud,

'Di mana tanaman penting bagi perusahaan, dikumpulkan dan diusahakan sebagai satu unit yang berintergrasi (in which as principal investment of the enterprise is ported and managed as she intergrated)

Dalam usaha yang menjangkau 33 tahun, FELDA ternyata sekali kukuh dan giat berusaha dalam aktiviti pertanian. Hingga ke hari ini FELDA telah berjaya mengusahakan lebih dari 13.4 % dari kawasan pertanian.

2.8 Latar Belakang kawasan kajian

Kawasan tanah rancangan Sendayan terletak dalam Negeri Sembilan, iaitu hampir 25 kilometer dari bandar Seremban. Tanah rancangan ini boleh diberiikan kepada 5 peringkat. Tiga peringkat boleh diketogerikan dalam peringkat awal manakala dua lagi diperingkat baru dibuka, iaitu dengan mula diusahakan pada tahun 1980 an. Tanah Rancangan di bangunkan dalam tahun 1960, maklumat pembangunan boleh dilinat dalam jadual yang dilampirkan.

Seperti kebanyakkan tanah rancangan yang lain, kawasan pertempatan dan kawasan ladang adalah dipisahkan. Pertempatan terletakan ditengah kawasan rancangan. Luas kawasan pertempatan untuk rancangan ini ialah 119.3 hektar. Di awal pembangunan rancangan ini menghadapi masalah bentuk muka bumi yang beralun. Dari segi Geografi kawasan penanaman ini berbukit bakau, walau bagaimanapun masalah ini dapat diatasi kerana tarikh penghasilan dapat dipenuhi dalam jangkamasa yang ditetapkan iaitu pada February 1968.

Dengan ini dapatlah diambil kesimpulan bahawa proses tumbesar adalah seperti biasa iaitu getah yang ditanam dengan jenis PR 225/261 G7 PRIM 60, dapat mengeluarkan hasil sebelum 5-6 tahun. Iaitu selama 5 tahun ditetapkan ia mengeluarkan hasil.

Kawasan kajian ini mempunyai 3.075 Orang penduduk dengan anggaran sebuah keluarga mempunyai 6 orang. Mengikut jadual yang ditunjukkan peneroka rancangan ini terdiri dari orang melayu, cina dan india. Mereka datang dari seluruh Malaysia. Tetapi mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan Negeri Sembilan, hampir 65% terdiri dari penduduk Negeri Sembilan.

2.9 Latar belakang penduduk.

Di tanah rancangan ini terdapat hampir 513 buah keluarga. Ia terbahagi kepada 5 peringkat. pembahagian kelauarga yang terdapat dengan peringkat adalah seperti berikut.

- | | |
|---------------------|----------------|
| a.peringkat pertama | - 153 keluarga |
| b.peringkat kedua | - 143 keluarga |
| c.peringkat tiga | - 163 keluarga |
| d.peringkat empat | - 35 keluarga |
| e.peringkat lima | - 22 keluarga |

Peringkat tiga dibanagikan kepada 10 blok. Ini dapat dilihat dalam carta pentabiran atau organisasi JKRR FELDA ini. peringkat tiga yang menjadi kajian ini terdapat 4 blok yang bernitung panjang 40 keiuarga dalam satu blok //?

2.10 Kemudahan yang terdapat dalam tanah rancangan ini

Seperti yang terdapat dalam tanah rancangan lain

yang lain, tanah rancangan ini terdapat juga pelbagai kemudahan. Ini adalah untuk memenuhi keperluan peneroka disini. Kemudahan yang terdapat adalah untuk kemudahan pengurusan tanah rancangan dan kemudahan untuk memenuhi keperluan peneroka-peneroka, isteri-isteri dan anak-anak peneroka.

Di sini terdapat sebuah masjid yang memenuhi keperluan yang berkaitan dengan soal-soal keagamaan bagi mereka yang beragama islam. Di samping itu terdapat juga sebuah kuil hindu dan budha untuk orang cina dan india. Ini menunjukkan keperluan yang bercorak asasi kepada peneroka tidak dapat dilupakan.

Bagi tujuan pengurusan pula terdapat sebuah pejabat pentabiran yang letaknya betul-betul ditengah-tengah kawasan rancangan. Mempunyai sebelas orang pekerja. Terdapat dua buah pusat pengumpulan getah, yang menjalankan proses penjualan getah. Terdapat juga sebuah tempat pembekalan atau penyimpan anak benih.

Di tanah rancangan ini terdapat juga sebuah Dewan orang ramai yang baru saja dirasmikan oleh yang berhormat Menteri besar. pembinaan Dewan orang ramai ini menggantikan peranan yang dimainkan oleh Baliraya. Di samping itu dewan ini digunakan untuk menyambut majlis keramaian dan sebagai gelanggang badminton.

Bagi kemudahan pengangkutan pula, terdapat jalinan pengankutan yang baik. Jalan ini boleh dikatakan sebagai perhubungan yang baik antara kawasan rancangan dengan kawasan luar bandar. Sebuah syarikat Bas yang menyediakan kemudahan pengangkutan iaitu sistem Kenderaan Labu Sendayan yang berpusat di Tanah Rancangan yang berhampiran dengan *Kelurau* dengan tanah rancangan ini.

Bagi tujuan keselamatan pula terdapat sebuah Balai polis yang tertubuh semenjak awal pertempatan tanah rancangan. Di samping itu untuk mengukuhkan lagi keselamatan terdapat sebuah pasukan RELA. Dari masa ke semasa jumlahnya ditambah berdasarkan keperluan. Anggota RELA ini mendapat latihan dari sebuah *kem* yang berhampiran.

Sebuah pusat kesihatan juga ada, klinik kesihatan yang terletak di sebuah kawasan tinggi ini memenuhi keperluan kesihatan bagi seluruh peneroka tanah rancangan ini. Pusat ini dikendalikan oleh dua orang yang bertaraf pembantu doktor dan beberapa orang jururawat. Sebuah Ambulan digunakan untuk tujuan kecemasan.

Bila menyentuh soal pendidikan, di sini terdapat 3 peringkat persekolahan yang didapati oleh anak penefoka

- i. Peringkat Tadika
- ii. Peringkat sekolah Rendah
- iii. Peringkat sekolah tinggi

Di peringkat tadika terdapat sebuah sekolah yang mempunyai 40 orang anak peneroka. Ia dikendalikan oleh 2 orang guru tadika yang mendapat latinan dari KEMAS.

Di peringkat sekolah rendah pula, sebuah sekolah rendah Felda Sendayan dengan jumlah pelajar seramai 520 orang. *Hargah*

Sekolah ini memenuhi beberapa keperluan beberapa kawasan perkampungan yang berhampiran. Sekolah ini tidak menghadapi sebarang masalah kekurangan bilik kerana sebuah bangunan baru telah siap dibina untuk menampung kekurangan itu.

Bagi mereka yang ingin meneruskan pelajaran di peringkat menengah, anak peneroka tidak perlu pergi jauh kerana mereka boleh memasuki sekolah menengah yang terdapat di tanah rancangan ini, seperti sekolah rendah sekolah ini juga menampung keperluan kawasan sekitarnya. seperti kawasan Gadong, FELDA L.B.J serta kawasan Jimah Baru dan lama.

Minat perniagaan di kalangan peneroka-peneroka begitu ketara di sini. Selain dari sebuah kedai koperasi FELDA, terdapat juga kedai-kedai runcit. Pihak pentadbiran tanah rancangan memberi tapak bagi mendirikan gerai-gerai. Antara perniagaan yang terdapat disini ialah kedai jahit, makan, kedai gunting rambut lelaki dan perempuan serta kedai membaiki motorsikal.


Di sini terdapat sebuah pasar lambak atau lebih dikenali sebagai lambak rabu. Pasar lambak ini diadakan pada tiap-tiap minggu pada hari rabu.

Jadual 6


Kemudahan-kemudahan yang terdapat di FELDA Sendayan

Jenis kemudahan	Tahun ditubuhkan
pejabat FELDA	1960
Masjid	1961
Sekolah rendah	1962
Sekolah Menengah	1975
Dewan orang ramai	1984
Bangunan tadika	1980
sekolah agama	1982
klinik	1976
pusat pengumpulan getah	1964
Kedai syarikat	1963
Balai polis	1962
pasar lambak	-
Padang permainan	-
Beretan kedai	1987

sumber; hasil kajian



Gambar 1 ; Pejabat Pentabiran Tanah Rancangan



Ganbar 2; Dewan orang ramai FELDA Sendayan.

Antara Kemudahan-kemudahan yang diperolehi.



Gambar 3 ; Sekolah Menengah FELDA Sendayan



Gambar 4; Sekolah Agama.

Carta 1; Maklumat asas Tanah Rancangan Sendayan.


Keluasan; Dalam Hektar.

Peringkat	satu	dua	tiga	empat	lima	jumlah
Luas Keliling	443.83	490.68	677.05	63.69	29.14	1776.71
Luas Kwsn paya	69.60	46.94	118.98	89.11		324.65
Luas kwsn tanaman	357.68	438.70	429.71	43.23	29.14	2296.95
Luas kwsn Dusun	115.34					
Jenis tanaman	Getah	Getah	Getah	Sawit	Sawit	
Baka tanaman	PR 225/261 GT PRIM GO	PRM 66.5 513	PRM 605 623	DXP	DXP	
Tahun ditanam	Dec 1961	Dec 1962	Feb 1965	Nov. 75	Mac. 81	
Pembangunan	Jan 60	Nov. 61	Jan. 64	Nov. 74	Jan. 80	
Tarikh hasil	Feb 68	Feb 69	April 71	Nov. 78	Nov. 84	
Peneroka masuk	Feb 63	Feb 69	Jan 67	Nov 78	Dec. 87	
Melayu	86	122	152	39	7	
Cina	19	10	14	3	-	
India	17	18	24	2	-	
Jumlah						513

Sumber; Ibu pejabat tanah rancangan

Carta 2 ; Struktur Organisasi Tanah Rancangan

Tanah Rancangan.



Sumber ; Pejabat Tanah Rancangan tanah Rancangan

Bahan-bahan rujukan.

Subject

1. Hussain Wafa. Land Development Strategies in Malaysia
(Microfilm) Standford Universites, United States, 1976. hal 46
2. Mac Andrew. Mobility and Modernization, The FELDA and its Roles in Modernising the Rural Malaya. Gajah Mada University. 1977, hal 46.
3. Shamsul Amri Baharudin. Rancangan Malaysia kedua, tujuan dan perlaksanaan sehingga awal 1975, ?
4. FELDA . Laporan tahunan , Ibu pejabat FELDA Kuala Lumpur, 1987
5. Alladin Hashim. Land Development and the settler, Some social Aspect of Land Development, Malaysian Centre for Development Studies. Prime Minister Goverment Press, Kuala Lumpur. Hal 93-94
6. FELDA. Maklumat asas dalam pembangunan peneroka, Risalah am. Ibu pejabat FELDA, Kuala Lumpur. 1989, hal 7
7. Ibid hal 9
8. Shamsul Amri Baharudin, Rancangan Malaysia Kedua, tujuan dan Perlaksanaan. Awal 1975. M.A University of Malaya. Hal 57.
9. Taib Andak. Land Development under The Federal land Authority on programme and Techniques of Development Implementation in Malaysia report. //9
Seminars of Development. Kuala Lumpur.

Bab 3

Latarbelakang Generasi Kedua yang dikaji

Berdasarkan banci suku tahun 1988, seramai 43.908 orang belia di tanah Rancangan FELDA yang berumur antara 15 hingga 25 tahun. Dari jumlah itu 25.054 darinya lelaki dan 18.854 adalah perempuan. Jumlah ini 23.54% dari jumlah peneroka pada masa ini, iaitu seramai 101,351 Orang.

Di Tanah rancangan Sendayan ini, mereka merupakan satu golongan yang terbesar. Bila dipuratakan sebuah keluarga mempunyai empat orang anak maka jumlah anak peneroka yang yang dalam lingkungan umur belia ialah seramai 2.052 orang. Jumlah ini ternyata sudah melebihi dari peneroka yang ada sekarang. Oleh itu peranan generasi kedua di tanah rancangan penting dari masa ke semasa.

Di dalam mengkaji latar belakang generasi kedua ini beberapa aspek diambil kira. Aspek tersebut ialah dari segi umur, taraf pendidikan, status responden, tempat asal dan latarbelakang keluarga.

Jadual 7

Umur responden

Tahap umur	responden	peratus
17-20	8 orang	20
21-23	16 orang	40
24-27	9 Orang	22.5
28-30	5 orang	12.5
lebih 31	2 orang	5
Jumlah	40 orang	100.0

SUMBER ; Hasil kajian

Dari jadual yang ditunjukkan, responden yang berada dalam lingkungan umur 17 tahun keatas di ambil sebagai responden ,kerana pada tahap ini boleh dianggap sebagai satu tahap yang matang dan boleh berfikir sesuatu dengan baik.

Dari jadual 7 juga dapat di lihat purata yang paling banyak ialah antara mereka yang berumur 21-23 tahun iaitu sebanyak 16 orang(40%).Lingkungan umur begini banyak kerana mereka baru tamat dari alam persekolahan.Ini diikuti mereka yang berumur antara 17-20 tahun iaitu 8 orang(20%) Umur antara 24-27 sebanyak 9 Orang(22.5%)

Kumpulan responden yang paling kecil adalah mereka yang berumur 28-30 tahun iaitu sebanyak 5 orang (12.5) dan mereka yang berumur antara 31-40 tahun sebanyak 5%

pada tahap umur begini, kebanyakkan anak peneroka tidak berada lagi di tanah rancangan. Pada dasarnya mereka akan keluar dari tanggung jawab ~~keluarga~~ dan keluar dari tanah rancangan untuk mencari kehidupan ditempat lain. Responden yang dipilih yang berada di tahap ini tinggal di tanah rancangan ini sebagai peneroka kedua.

3.2 Status perkawinan

Jadual 8

Menunjukkan status perkawinan

Taraf	Bilangan	Peratus
Bujang	35 orang	86%
Berkhawin	5 orang	14%
Jumlah..	40 orang	100%

Sumber ; Hasil Kajian

Dari jadual jekas menunjukkan 86% dari responden belum berkahwin. 14 % iaitu seramai 5 orang belum berkahwin. Mereka yang telah berkahwin masih terus tinggal ~~ditinggal~~ di tanah rancangan, atas beberapa sebab,

- i. Membantu keluarga kerja-kerja ladang terutama dalam kes apabila responden berkahwin dengan anak peneroka.
- ii. Tinggal di kawasan rancangan sebagai peneroka kedua dan telah mempunyai keluarga sendiri.

Dari kajian ini mereka yang telah berkahwin adalah terdiri dari 3 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Keadaan ini adalah disebabkan kebanyakkan perempuan apabila sudah berkahwin tidak lagi tinggal bersama keluarga.

3.3 Taraf Pendidikan

Jadual 9

Menunjukkan taraf pendidikan responden

Taraf pendidikan	responden	peratus
Peringkat sekolah Rendah	6 orang	12.5
Sijil Rendah pelajaran	6 orang	15
Sijil pelajaran Malaysia	24 orang	60
Sijil Tinggi pelajaran	4 orang	10
Peringkat pengajian Tinggi	1 orang	2.5
Jumlah	40 orang	100

Sumber ; hasil kajian.

Dari apa yang ditunjukkan didalam jadual 9, purata responden mempunyai tingkat pelajaran yang agak baik. Apa yang dilihat dari jadual 9, responden mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) adalah terbanyak dengan jumlah 24 orang(60%) iaitu merupakan sebahagian besar dari jumlah responden. Ini diikuti oleh mereka yang menamatkan tingkatan 3 (SRP) dengan jumlah 6 orang(12.5%)

Di samping itu terdapat responden yang mencapai tahap pelajaran yang tinggi. Semasa kajian ini dijalankan terdapat 5 orang berada di tahap pelajaran yang tinggi. 4 orang dari mereka mempunyai Sijil Pelajaran tinggi (STPM) dan seorang sedang menuntut di sebuah pengajian tinggi.

Kebanyakkhan dari responden adalah mereka yang telah menamatkan persekolahan mereka, selepas tamat dari persekolahan mereka tidak pergi ke mana-mana terus menetap di tanah rancangan. Terdapat juga responden yang bekerja tetapi masih menetap di kawasan rancangan, contohnya mereka yang bekerja kilang. Ini adalah disebabkan , untuk menjimatkan kos kehidupan misalnya kalau mereka bekerja diluar mereka terpaksa mengambil kira kos sewa rumah,makan dan minum. Jika tinggal di kawasan rancangan kos-kos itu dapat di jimatkan.

3.4 Latar belakang keluarga Responden

Kesemua responden yang dikaji telah tinggal lama di tanah rancangan ini, sewaktu peringkat 3 ini dibuka pada tahun 1964 kebanyakkan responden masih didalam usia kanak-kanak. Dalam keadaan begini mereka sudah menjadikan tanah rancangan ini sebagai tempat tinggal yang tetap.

Jadual 10

Menunjukkan bilangan adik beradik dalam keluarga responden

Bilangan anak dalam keluarga	responden	peratus
3 orang	7	-
4 orang	5	12.5
5 orang	8	20
6 orang	9	22.5
7 orang	7	17.5
8 orang	6	15
9 orang	5	12.5
Jumlah	40	100.0

Sumber; Hasil kajian

Dari apa yang ditunjukkan, ternyata keluarga responden adalah satu keluarga yang besar dengan purata 6 orang beradik dalam satu keluarga. Ini adalah sesuai dengan dengan syarat yang ditetapkan oleh FELDA semasa kemasukan dahulu. Penyertaan mereka dalam skim ini dapat membantu peneroka untuk menyara keluarga mereka.

3.5 Tempat asal peneroka/keluarga responden

Jadual 11

Menunjukkan tempat asal Responden

Negeri	Bil. responden	peratus
N.Sembilan	22	55
Selangor	8	20
Melaka	4	10
Perak	2	5
Pahang	2	5
Kelantan	1	2,5
Kedah	1	2,5
Jumlah	40	100

Sumber; hasil kajian.

Dari jadual 11 menunjukkan sebahagian besar dari responden asalnya dari Negeri Sembilan, iaitu seramai 22 orang

atau 55%. Sesuai dengan dasar kerajaan Negeri Sembilan, rata-rata tanah rancangan yang terdapat dalam negeri ini mempunyai 60% peneroka yang datang dari negeri sembilan. Jadi Tanah Rancangan Sendayan ini salah satu dari contohnya. Kedua yang terbanyak ialah Selangor dan Melaka. Selangor sebanyak 8 orang(20%) dan Melaka seramai 4 orang(10%). Sebab yang ketara mengapa mereka agak ramai ialah kedua buah negeri ini berhampiran dengan Negeri Sembilan dan sebarang perpindahan tidak memerlukan kos yang tinggi, tetapi bila dibandingkan dengan negeri-negeri seperti Kedah, Kelantan dan Pahang jumlah mereka agak kurang. Dari jadual ditunjukkan sekitar 2.5% -5%(1-2 orang). Selain dari faktor masa dan jarak, kekurangan ini juga disebab negeri-negeri tersebut mempunyai tanah Rancangan yang banyak terutama negeri Pahang.

Dari jadual ini menunjukkan tidak semua datang dari negeri dalam Semenanjung Malaysia, tetapi kajian ini dilakukan di dalam ruang sample saja, tidak untuk maklumat sepenuhnya kerana gagal diperolehi dari pihak pejabat mahupun dari setiausaha JKRR tanah rancangan ini.

3.5 Keadaan Sosia-ekonomi Keluarga responden sebelum

Memasuki Tanah Rancangan

Jadual 12

Menunjukkan Pendapatan dan pekerjaan sebelum Memasuki
Tanah Rancangan.

Jenis Pekerjaan	Bil.	%	Pendapatan Bulanan.	Bil.	%
Petani	16	40	00-99	13	32.5
Penoreh	9	22.5	100-150	15	37.5
Kerja sampinga Sampingan.	6	15	151-199	6	15
Buruh	6	15	200-250	3	7.5
Peniaga	2	5	251-299	3	7.5
Jumlah	40	100	Jumlah	40	100

Sumber;Kajian.

Dari jadual 12, kebanyakkan dari peneroka mempunyai latar belakang pertanian. Hampir 70% dari keseluruhan pekerjaan yang dilakukan menyediakan peneroka dengan asas pertanian.

lain-lain pekerjaan ialah menjadi buruh, bermiaga dan kerja sampingan seperti mengambil upah panjat kelapa atau apa apa yang berkaitan dengannya. Berniaga bukanlah bermiaga besar-besaran tetapi bermiaga secara kecil-kecilan contoh penjaja sayur.

Tergambar pada kita dari apa yang ditunjukkan pekerjaan tersebut tidak menjamin masa hadapan mereka, Ini ternyata berkait rapat dengan pendapatan yang di perolehi dari kerja tersebut. Ini ditambah pula dengan jumlah keluarga yang agak besar, adalah sukar untuk menyara keluarga.

Pendapatan mereka melalui kerja tersebut adalah terlalu sedikit. 42.5 % memperolehi pendapatan antara \$100-\$199. Jika dibandingkan dengan purata pendapatan luarbandar tahun 1970 ialah \$200/-. Pendapatan keluarga Melayu \$172 (Rancangan Malaysia Ketiga. 1976 jadual 9.5)). Jelaslah mereka yang menyertai Tanah rancangan ini berada dalam ketegori kelurga miskin dan sesuatu yang nyata pendapatan mereka adalah tidak tetap.

Jika dibandingkan dengan keadaan peneroka sebelum memasuki tanah rancangan dengan keadaan peneroka semasa kajian ini adalah terlalu juah bezanya. Kalau sebelum memasuki tanah rancangan, peneroka telah mengenal erti sebuah kesusahan tetapi ini tidak dialami oleh generasi kedua sekarang. Keadaan ini penting untuk melihat sikap generasi kedua hari ini.

3.6 Pandangan Generasi kedua terhadap tanah rancangan.

Hasil kajian yang dibuat rata-rata responden, memberi pandangan yang memuaskan terhadap tanah rancangan ini. Jangkamasa dua puluh tahun perkembangan tanah rancangan ini pelbagai kemudahan telah diwujudkan. Tetapi apabila dilihat sikap mereka ke atas tanah rancangan ini adalah jauh bezanya dengan ibubapa mereka.

Peneroka menerangkan bahawa tanah rancangan ini adalah sebagai tempat hidup dan mati mereka. Sewaktu memasuki tanah rancangan ini dahulu keadaan tanah rancangan ini bukanlah seperti apa yang ada pada hari ini. Keadaan latarbelakang keluarga yang susah yang susah membuatkan mereka menjadikan tanah rancangan ini sebagai tempat pergantungan, keadaan ini berbeza dengan keadaan dengan generasi kedua yang ada pada hari ini. Mereka dibesarkan diatas tanggungjawab keluarga. Pendirian mereka dalam mengusahakan ladang adalah berbeza kerana mereka hanya sekadar membantu keluarga dan tidak meletakkan harapan yang tinggi pada tanah rancangan ini. Ini mempengaruhi sikap mereka dalam memilih pekerjaan. Mereka mengambil sikap bahawa pekerjaan diladang ini adalah sementara sebelum mendapat kerja yang lebih baik. Sebab-sebab wujudnya keadaan ini.

Pertamanya, taraf pendidikan yang diperolehi oleh generasi kedua itu sendiri. Kebanyakan ketua keluarga hanya

mendapat pendidikan asas saja iaitu diperingkat sekolah rendah dan asas pelajaran agama, begitu juga yang diperolehi oleh ibut mereka. Bari kajian yang dibuat 25% dari ketua keluarga responden yang dikaji hanya mendapat darjah 3 tidak bersekolah hampir 15%.

Bila dilihat taraf pendidikan yang diperolehi oleh generasi kedua hari ini adalah jauh berbeza. Sebahagian besarnya menerima pendidikan di peringkat SRP, SPM dan STPM. Keadaan ini telah mengubah sikap mereka dalam memilih pekerjaan. Mereka mahukan pekerjaan yang lebih baik dan sesuai dengan keputusan yang mereka perolehi. ✓

Keduanya, keadaan ini juga dipengaruhi oleh sikap ibubapa mereka. Sebagai ibubapa seboleh-bolehnya mereka tidak mahu anak mereka mengikuti jejak langkah mereka untuk menjadi seorang peneroka. Mereka mahu anak mereka mencapai satu tahap kehidupan yang lebih baik dari ✓ peneroka. Situasi ini mungkin dipengaruhi oleh ketidaktinginan mereka melihat anak mereka hidup susah kalau terus hidup sebagai seorang peneroka. Tanah yang diperolehi melalui pewarisan tidak diperolehi oleh semua anak peneroka, hanya saja yang yang boleh mewarisi. Keadaan ini membuatkan ibubapa menggalakkan anak mereka untuk menyertai lain-lain bidang bukan menjadi peneroka. ✓

Keadaan ini dapat dilihat didalam jadual yang digambarkan.

Jadual 13

Menunjukkan sebab Mengapa kurang berminat kerja di ladang

sebab-sebab	responden	peratus
Bekerja di tempat lain	15	44.2
Pendapatan tidak terjamin	8	23.5
Tidak mahu mengerjakan ayah/ibu ,melakunya	3	8.7
Kurang berminat membosankan	4	11.8
Sekadar membantu ibubapa.	4	11.8
Jumlah	34	100.

Sumber; Hasil kajian

Penglibatan mereka terhadap pekerjaan di ladang amat kurang.Dari kajian yang dijalankan hanya 6 orang dari responden melakukan pekerjaan ini.Jumlah ini mewakili 15% dari jumlah keseluruhan pekerjaan yang dilakukan.

Dari jadual yang ditunjukkan hampir dari 85% responden menunjukkan kurang minat untuk bekerja diladang.Mereka lebih suka bekerja ditempat lain,yang mewakili 15 orang(44.2%). 23.5 % dari responden berpendapat pekerjaan ini kurang menjamin pendapatan yang diperolehi tidak stabil.Keadaan ini jelas lagi

pokok-pokok getah telah tua, kurang mengeluarkan hasil. pendapatan yang sedikit ini menyebabkan mereka lebih suka menyerahkan kerja-kerja ini kepada ibubapa mereka kerana pendapatan yang kecil tak perlu dibanagi-bahagikan. Mereka lebih suka membantu keluarga dengan melibatkan diri dengan kerja lain. Melalui cara ini mereka bukan saja dapat membantu keluarga tetapi mempunyai lebihan wang untuk keperluan sendiri.

Ada juga responden yang beranggapan kerja ini agak membosankan. Empat orang responden menyatakan mereka perlu bangun-awal dan pekerjaan itu sendiri membosankan, kerana sejak dari umur bawahan mereka melakukan kerja ini hingga dewasa. Keadaan ini menyebabkan responden lebih suka bekerja di luar tanah rancangan. 11.8% dari responden mengambil sikap sekadar memenuhi tanggungjawab apabila melakukan pekerjaan ini. Keadaan ini disebabkan ibubapa yang sedang uzur dan sudah berusia. Mereka biasanya membantu ibubapa mereka dan ini hanya untuk sementara, seandainya mereka mendapat peluang pekerjaan ditempat lain mereka akan meninggalkan pekerjaan itu.

Walaubagaimanapun penglibatan mereka dalam aktiviti sosial di tanah rancangan ini adalah membanggakan, contohnya penglibatan mereka dalam persatuan Belia tanah rancangan. Penglibatan ini dapat dilihat dalam bidang ekonomi sampingan, sukan dan aktiviti kemasyarakatan. Ternyata aktiviti

telah memberi sumbangan yang penting kepada tanan rancangan bberapa projek yang dilakukan telah memenagi beberapa anugerah projek contoh. Melalui kerjasama dengan Majilis Belia negeri, Persatuan Belia tanah rancangan ini telah mampu bersaing dengan persatuan Belia lain untuk menempah kejayaan.

Penglibatan ini menunjukkan satu situasi dimana walaupun mereka tidak melibatkan diri dalam kerja-kerja di ladang mereka berminat untuk melibatkan diri di dalam aktiviti sebegini demi kemajuan tanah rancangan antara projek yang dilakukan ialah projek Bumi Hijau yang dijalankan di bawah biro ekonomi. Tenaga belia ini di gembling bagi mengusahakan tanah yang terbiar. Ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya, yang menunjukkan bagaimana persatuan ini boleh memberi peluang pekerjaan kepada para belia amnya dan responden khususnya.

Persatuan ini sentiasa mendekatkan diri dengan masyarakat peneroka. Ini dapat dilihat dengan penglibatan mereka dalam majilis keramaian seperti kenduri khawin dan upacara maulud nabi. Dalam kenduri khawin mereka dipanggil oleh tuan rumah untuk membantu kerja-kerja semasa majilis dijalankan seperti menghidang makanan, basuh pinggan dan sebagainya.

Di samping itu, mereka juga menganjurkan khusus sivik

Persatuan ini juga bertanggung jawab menghantar ahli untuk menyertai knusus kepimpinan, khusus latihan kemahiran serta menghantar perwakilan untuk menyertai mesyuarat diperingkat wilayah dan negeri.

Jadual 14

Sebab mengapa berminat untuk Menyertai pertubuhan ini

Sebab-sebab	responden	peratus
Berminat menyertai 4 orang penyertaan penuh		10
Memenuhi tanggung- 10 orang sebagai anak peneroka.		25
Mengambil tahu menyertai 15 Orang saja		37.5
Ikut Kawan	6 orang	15
Lain-lain	5 orang	12.5
Jumlah	40 orang	100

Sumber; Hasil Kajian.

Dari jadua14 ini, 15 Orang(37.5) dari responden yang mengambil tahu saja. Ini adalah disebabkan mereka sudah bekerja dan tidak melibatkan diri sepenuh masa. Walaubagaimana pun penglibatan mereka masih ada dengan

penyertaan mereka didalam mesyuarat yang diadakan, mereka selalu memberi sokongan dengan memberi sokongan dari segi nasihat dan metarial.

Penyertaan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan ini atas berbagai tujuan dan alasan. Walau apapun alasan yang dikemukakan, penglibatan mereka ini menampakkan satu kesedaran untuk menyumbangkan tenaga bagi kemajuan tanah rancangan. Satu faktor penting mengapa wujud keadaan ini ialah tahap pelajaran yang diperolehi. Aktiviti berpersatuan di sekolah cuba dibawa ke dalam persatuan ini. Penglibatan dari semua menyebabkan mereka berjaya melaksanakan pelbagai projek.

Kesimpulan dari bab ini, cuba menghuraikan latar belakang responden yang dikaji meliputi aspek usia, pelajaran serta status mereka. Penjelasan diharapkan dapat dijadikan sandaran kepada perkara yang akan dikaji di dalam bab yang seterusnya. Di samping itu sedikit latar belakang mengenai keluarga dinyatakan juga dengan tujuan untuk dibuat perbandingan keadaan dahulu dan sekarang. Keadaan sekarang jauh berbezanya dengan keadaan dahulu. Ini dapat dibuktikan dengan pandangan generasi kedua sekarang adalah terlalu jauh beza.

Akibat dari situasi ini, didapati penglibatan generasi dalam kerja-kerja ladang adalah kurang, sedangkan mereka lah bakal mengusahakan tanah itu.

Bahan rujukan.

- i. FELDA. Laporan Tahunan, Ibu pejabat FELDA,
Kuala Lumpur 1987.
2. Rancangan Malaysia Keempat(1981-1985) Penerbitan
Jabatan Cetak Negara, Mokhtar Haji Shamsudin.
1981. Hal 93-95.
3. Dahari Derani; Kerja-kerja sampingan Di Rancangan
Felda Pasoh, Simpang Pertang, Kuala Pilah. Jabatan
Antropologi/sosiologi, Universiti Malaya.
1983/84. Hal 47.

Bab 4

Pekerjaan di Kalangan Responden Tanah Rancangan.

Dalam bab ini, penjelasan cuba dibuat tentang konsep pekerjaan. Ini adalah untuk disesuaikan dengan kajian yang dibuat untuk melihat pekerjaan yang dilakukan oleh responden tanah rancangan ini.

4.1 Konsep pekerjaan.

'Bekerja' seperti yang digunakan dalam penyiasatan tenaga Buruh dari buku tahunan perangkaan Jabatan perangkaan Malaysia ialah;

'Semua orang yang pada bila-bila masa dalam di buat rujukan sebarang pekerjaan untuk bayaran, keuntungan atau feadah keluarga (sebagai majikan, pekerja dan bekerja sendiri saja) juga dianggap sebagai pekerja ialah orang yang tidak bekerja dalam minggu rujukan dibuat disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh serta sebab aosial dan agama tetapi mempunyai pekerjaan yang akan kembali dibuat, bila semua masalah telah selesai. Juga termasuk dalam bekerja ialah mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu dengan bergaji tetap dan akan dipanggil bila perlu'.

1.

Menurut Raymond Firth, pekerjaan melibatkan satu set perkembangan sosial di samping perkembangan ekonomi dan teknologi. menurutnya,

'Works occurs frequently as a group behavior usually performed by some person wi'

in connection or co-ordination with other persons with the benefit of yet still other persons and collective motivation co-ordination and evalulution.2

Jadi pekerjaan adalah cara atau usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan hasil yang bernilai, terutama yang berkaitan dengan ekonomi bagi mendapatkan upah dan ganjaran dari padanya untuk mendapatkan kesenangan dan kemudahan dalam hidup.

Bila disesuaikan dalam kajian, apa yang ditekankan di dalam dua pengertian iaitu antara Jabatan perangkaan dengan ulasan Firth mengenai pekerjaan memang wujud. Apa yang mengujudkan perbezaan ialah jabatan perangkaan lebih menumpukan kepada pekerjaan makan gaji tetapi Firth cuba membuat tafsiran terhadap semua bentuk pekerjaan yang boleh mendatangkan hasil, dari pekerjaan ini boleh diwujudkan hubungan sosial dan peningkatan dalam bidang ekonomi. Dalam kajian yang dibuat dua bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh responden iaitu kerja makan gaji dan bekerja sendiri. Aspek-aspek yang dijelaskan memang wujud dalam pekerjaan yang dilakukan oleh responden.) 9

4.2 Tenaga Buruh

Berdasarkan bantuan yang dibuat oleh jabatan perangkaan. Tenaga buruh dimaksudkan sebagai orang yang orang yang telah bekerja dan mereka yang menganggur

manakala suri rumah, pelajar, kanak-kanak yang tidak bersekolah, pesara dan mereka yang cacat tidak diistilah sebagai tenaga buruh. Pengelasan ini telah dibuat dalam pengelasan benci penduduk yang telah dilakukan oleh Jabatan perangkaan Malaysia. 3.

Dalam kajian ini, responden yang dikaji berada di dalam lingkungan tenaga buruh. Mereka yang dikaji telah menamatkan persekolahan mereka. Antara mereka telah mempunyai kerja yang tetap dan sementara. Bagi melihat struktur tenaga buruh, semua jadual menunjukkan keseluruhan tenaga yang terdapat di peringkat tiga tanah rancangan ini.

Jadual 15

Struktur Tenaga Buruh di kalangan Generasi kedua

di tanah rancangan, Peringkat 3

Umur	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
17-20	25	26.3	15	37.5	40	29.6
21-24	27	28.5	21	52.5	48	35.5
25-29	30	31.5	4	10	34	25.3
29-31	13	13.7	-	-	13	9.6
Jumlah	95	100	40	100	135	100

Sumber: Hasil Kajian

Dari jadual 17. purata umur antara 17-20, 21-25, 26-28 tahun(86.3%) adalah teramai sekali yang boleh dilingkungkan sebagai tenag buruh. Antara kumpulan ini mereka yang berada di tahap umur 17-20 serta 21-24 adalah paling ramai. Jumlah mereka mewakili 65.1% dari jumlah keseluruhan. Keadaan ini adalah disebabkan, kebanyakkan mereka baru saja tamat dari persekolahan dan di saat beginilah mereka mula mencari pekerjaan.

Manakala umur pada tahap 29-31 terdapat 13 orang atau 13.7%. Jumlah mereka tidak ramai kerana pada tahap umur begini mereka tinggal ditempat lain untuk bekerja. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh faktor budaya, mengikut kepercayaan orang Minang seseorang anak lelaki digalakkan merantau sebelum mendirikan rumah tangga. Situasi ini wujud kerana sebahagian besar dari peneroka tanah rancangan ini berasal dari Negeri Sembilan.

Bagi perempuan pula, jumlah yang paling ketara ialah mereka yang berumur antara 17-20 tahun dan 21-24 tahun. Jumlah ini agak besar, ia meliputi sebahagian besar dari jumlah keseluruhan. Keadaan ini disebabkan keadaan yang sama iaitu kebanyakkan mereka baru saja menamatkan alam persekolahan. Mereka banyak yang tinggal dirumah dan ada juga di antara mereka yang yang bekerja di kilang, baik dengan kilang yang berhampiran dengan tanah rancangan mahupun dengan kilang yang terdapat di kawasan bandar terutama dikawasan Seremban dan Senawang.

Apabila mereka berada di tahap umur 25-29 tahun semakin berkurangan, kerana pada jangka masa begini kebanyakannya mereka telah berkhawin dan mengikut suami. *beliau la*. *mkt*

4.3 Pekerjaan yang dilakun oleh responden

Dua bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh responden ialah pekerjaan 'makan gaji' dan bekerja sendiri. Bekerja 'makan gaji' dimaksudkan sebagai satu pekerjaan tetap dan mendapat gaji bulanan. Di samping itu mereka yang bekerja tetap mendapat kemudahan yang lain seperti caruman pekerjaan, potongan EPF, cuti perubatan dan beberapa kemudahan yang lain.

'Bekerja sendiri', pekerjaan yang dilakukan tanpa ada majikan. Sebaliknya mereka sendiri menjadi *sendiri* jika individu yang terlibat mengupah pekerja lain. Mereka yang bekerja senfiri tidak mendapat kemudahan seperti mereka yang makan gaji. Pendapatan mereka bergantung kepada pekerjaan yang mereka lakukan. Jika banyak kerja yang dilakukan maka tinggilah pendapatan mereka.

Jadual 16

Pekerjaan yang dilakukan oleh Responden

Jenis pekerjaan	Bil. Responden		peratus		
	Sendiri tetap	p	tetap	Sendiri	tetap
Bertukang Kilang	1	15	2.5	37.5	
Bengkel Buruh	1	5	2.5	12.5	
Kolam ikan stor getah	1	3	2.5	7.5	
Menoreh juruteknik	6	2	15	5	
Kedai jahit Pemandu lori	4	1	2.5	2.5	
	Pebantu kedai	-	3	-	7.5
	tentera	-	4	-	2.5
Jumlah		10	30	225	175
			40		100

Sumber; Hasil penyelidikan.

Dari jadual 1, 10 orang(25%) dari responden bekerja sendiri. Bentuk pekerjaan yang dilakukan ialah seperti bertukang, mengusahakan bengkel motor, kolam ikan, kedai jahitan dan menoreh.

Manakala mereka yang makan gaji ialah seramai 30 orang(75%). Pekerjaan yang mereka lakukan ialah adalah bekerja kilang, buruh, stor getah, juruteknik, pemandu lori

pembantu kedai dan tentera. Mereka bekerja dalam tanah rancangan dan luar tanah rancangan.

Jadual 17

Menunjukkan Jenis kerja kilang yang dimasuki.

Jenis kilang	Bil.	peratus	, pendapatan
Kilang memproses ayam(di rancangan)	2	13.33	\$200-\$250
Kilang elektronik Bangi.	5	33.33	\$251-\$270
Motorola (Senawang)	6	40.0	\$271-\$290
Matsuhita (Senawang)	1	6.67	\$280-\$310
Kilang Johnson	1	6.67	\$280-\$320
Jumlah	15	100	purata \$250

Sumber; Hasil Kajian.

Dari jadual yang ditunjukkan diatas, sebahagian besar dari responden bekerja di kawasan kilang yang ber-dengan tanah rancangan. Terutamanya ^{ayat} di kawasan perindustrian Senawang. Dari jadual ini juga jelas menunjukkan kebanyakan kilang yang disertai...yang disertai ialah kilang-kilang yang mempunyai kaitan dengan pelaburan Jepun. Pelaburan dari Jepun ini telah dapat menarik minat tenaga kerja yang

yang berada di luar bandar untuk bekerja di kilang. Hampir 86% peratus dari responden bekerja dikilang jepun seperti Motorola, Matsuhita dan elektronik Bangi, Selangor.

Ada beberapa sebab yang diberikan oleh mereka, mengapa banyak dari mereka terlibat dalam kerja begini. Antaranya,

- i. Terdapat banyak peluang untuk bekerja di kilang, baik disekitar Tanah rancangan mahupun dikawasan perindustrian Senawang dan Seremban. Ini ditambah pula dengan sistem pengangkutan yang baik, dari tempat kerja dan tanah rancangan.
- ii. Pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan yang tinggi. Kelulusan adalah berdasarkan SPM sahaja tetapi boleh memberi pulangan yang baik iaitu sekitar \$280-\$300. Buat mereka ini cukup baik bila dibandingkan dengan menoreh getah, lagipun pendapatan ini tetap.
- iii. Bila bekerja di kilang mereka disediakan dengan berbagai kemudahan oleh pihak majikan. Antaranya ialah cuti tahunan, perubatan, pengangkutan separuh harga. Mereka yang telah lama bekerja memperolehi gaji tetap. Kemudahan pengangkutan menyebabkan mereka sanggup berulang alik walaupun jauh contoh Bangi.

b, Buruh ladang


Pekerjaan ini adalah salah satu bentuk kerja yang dilakukan oleh responden. Dari jadual yang ditunjukkan (Jadual 17) 12.5% mereka terlibat dalam pekerjaan ini. Ada tiga bentuk buruh yang boleh dijeniskan.

1. Buruh tanah
2. Buruh perkebunan
3. Buruh industri

- i. Mengambil upah untuk membersihkan ladang, biasanya kerja ini tidak dilakukan oleh peneroka disebabkan keuzuran dan melibatkan diri dengan aktiviti sampingan yang lain. Kebersihan ladang harus terus di jaga bagi mengelakkan sebarang denda dikenakan. Keadaan begini memberi peluang kepada responden yang terlibat. Pendapatan yang mereka perolehi adalah tidak menentu, mengikut keluasan dan lama masa bekerja.
- ii. Mereka menjadi buruh kontrak di ladang kelapa sawit. Walaupun tanah rancangan ini mengusahakan ladang getah tetapi ada kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit. Pada awal kemasukan, peneroka tanah seluas dua ekar sebagai kawasan dusun. Kawasan ini telah ditanam dengan kelapa sawit ia telah diuruskan oleh JKRR Tanah Rancangan dengan bantuan FELDA. Apabila musim pengeluaran ramai anak peneroka yang mengambil upah untuk memungut dan memunggah buah kelapa sawit. Mereka diambil secara kontrak dengan pendapatan \$20-\$25 sehari. Pendapatan yang diperolehi agak lumayan tetapi pekerjaan ini mengikut musim.

iii. Buruh distor getah.

Di tanah rancangan ini terdapat dua sektor getah yang bertanggungjawab dalam mengurus pembelian getah. Dalam kajian ini terdapat 3 orang responden yang bekerja di stor ini dengan pendapatan sekitar \$200 sebulan. Mereka dibayar mengikut hari mereka bekerja. Jika hari hujan tiadalah pekerjaan.



Gambar; mereka yang bekerja dikilang getah.

Perkembangan kawasan Tanah rancangan, terdapat banyak kedai-kedai didirikan bagi kemudahan peneroka ^{Miftah} ~~Kadai~~ yang adalah adalah seperti kedai makan, kedai runcit, ^{kedai} jahit, kedai akbar mahupun 'Saloon' untuk wanita. Pembukaan kedai-kedai ini telah memberikan peluang pekerjaan kepada generasi kedua, termasuklah salah seorang dari responden. Dari pemerhatian berdasar semple yang dibuat hampir 2.5% generasi kedua tanah rancangan ini melibatkan dengan pekerjaan sedemikian. Seorang responden telah bekerja dengan Kedai perbadanan Niaga FELDA. Pendapatan diperolehi adalah sekitar \$200/- sebulan.

Dari ini jelas menunjukkan, pihak FELDA cuba memberi peluang pekerjaan kepada anak peneroka, terutama pekerjaan yang terdapat dalam tanah rancangan. Tiga orang responden telah bekerja dengan stor getah tanah rancangan ini, seorang lagi telah bekerja dengan dengan Kedai PN~~E~~ tanah rancangan. Seorang responden telah bekerja dengan FELDA Angkut, setelah menyertai khusus memandu di Pasir Besar, Gemas Negeri Sembilan. Pendapatan yang diperolehi ialah antara \$900-\$1,000. Namun begitu FELDA bukanlah bertanggungjawab menyediakan peluang pekerjaan kepada anak peneroka. Ini adalah secara kebetulan sahaja sesuai dengan kekosongan yang ada.

Terdapat juga responden yang bekerja diluar tetapi masih menetap di tanah rancangan ini. Mereka bekerja sebagai juruteknik di Kilang-kilang dan badan-badan berkanun

kerajaan. 5% (2 orang) responden yang terlibat dengan pekerjaan ini, mereka bekerja di Lembaga Elekrik Negara (LEN) dan sebuah kilang di Seremban, sebelum mereka menjadi juruteknik mereka pernah mengikut khusus kemahiran yang telah adakan oleh FELDA terutama dalam pendawaian elektrik. Mereka masih menetap di tanah rancangan ini kerana dekat dengan tempat kerja. Ini juga boleh menjimatkan kos hidupan mereka.

Pekerjaan yang menjadi perhatian, selain dari pekerjaan yang dilakukan di atas ialan dalam bidang ketenteraan. mereka yang terlibat adalah terdiri dari lelaki yang mempunyai tubuh badan yang besar dan sasa. 2.5% dari responden menyertai askar simpanan yang berpusat di Kem Sikamat Seremban. Mereka mendapat eluan sebanyak \$150 sebulan.



Gambar; 6; menunjukkan kedai PNF

seorang responden terlibat

Pekerjaan yang dilakukan seterusnya ialah bekerja sendiri. Pertamanya mengusahakan ladang; 15 % dari jumlah keseluruhan responden yang terlibat dengan pekerjaan ini. Tiga orang darinya (7.5%) menjadi peneroka kedua (Generasi kedua yang menduduki tanah rancangan sebagai peneroka) selebihnya, ^{maka tetap} ~~adalah~~ mereka yang baru menamatkan sekolah mereka di peringkat SPM dan STPM yang masih belum mempunyai kerja yang tetap. Mereka juga terdiri dari yang telah lama menamatkan alam persekolahan mereka. Walaubagaimana pun mereka masih membuat anggapan bahawa pekerjaan ini adalah bentuk sementara.

(Berbeza dengan mereka yang melibatkan secara penuh, iaitu yang menjadi pekerjaan ini sebagai sesuatu yang tetap.) Mereka berpendapat bahawa menjadi peneroka boleh memberi pulangan jangka panjang yang baik, terutama mereka yang telah bekeluarga. Mereka memilih tanah rancangan ini tidak di rancangan yang lain disebabkan di sini mereka berhampiran dengan keluarga. Ada juga yang memilih tanah rancangan lain dengan alasan untuk mendapat pengalaman yang baru.

Di dalam jadual yang ditunjukkan, waktu untuk untuk bekerja di ladang adalah antara 5-7 jam. Jangkamasa ini melibatkan kerja menoreh dan mengankat susu getah. Cepat lambatnya adalah bergantung kepada kerja itu dimulakan. Bagi responden yang melibatkan diri diri sepenuhnya, terutama peneroka generasi kedua, mereka lebih lebih menghabiskan

menghabiskan masa diladang. Selepas menoreh mereka, sementara menunggu waktu mengangkut mereka mengambil kesempatan untuk membersihkan ladang

Jadual 18

Jumlah jam dan hari dalam mengusahakan ladang

Jumlah jam sehari	Jumlah hari seminggu	Responden	peratus
5jam	4hari	2	33.3
6jam	5 hari	1	16.7
7jam	6 hari	3	50.0
Jumlah	-	6	100.0

Sumber; hasil kajian.

Didapati mereka yang melibat diri dalam kerja ini sepenuhnya menghabiskan masa antara 7 jam sehari dan bekerja 6 hari dalam seminggu. Jika tidak hujan, mereka akan bekerja sepanjang minggu.

Ini berbeza dengan mereka yang menganggap pekerjaan ini sebagai semantara. Masa yang dihabis antara 4-5 jam sehari. Ini terbukti jumlah hari dalam seminggu dimana 4 atau 5 hari. Mereka juga selalu pergi lewat dan balik awal. Bila di tanya tentang pendapatan, menoreh boleh

menghasilkan pendapatan yang memuaskan, walaupun tidak stabil. Jika mereka boleh menghabiskan ladang yang seluasnya 8 ekar itu mereka boleh mendapat antara \$40-\$50 sehari. Ini mengikut ramai mana tenaga kerja yang digunakan. Tetapi kebiasaan sebahagian saja diusaha. Pendapatan nya ialan antara \$25-\$30 (Harga selepas potongan)

Bagi mereka yang membantu keluarga, mereka boleh memperolehi antara \$5-\$10 sehari dan jika mereka boleh bekerja dalam satu bulan selama 20 hari dengan purata \$7 sehari, responden yang terlibat boleh memperolehi \$140.00, sebulan. Ini merupakan satu pencapaian yang baik apabila berada di bawah tanggungan keluarga.

Tetapi mereka menganggap ini sebagai kerja sementara alasannya ialah, pekerjaan ini agak membosan. Kebanyakkan tanah ladang beralun, penuh bukit dan paya. Ini menyukarkan . Di samping ancaman dari binatang buas seperti harimau dan ular berbisa menumpulkan minat mereka untuk bekerja disini. Mereka sentiasa menanti peluang untuk bekerja diluar.

Mereka juga tidak boleh bergantung kepada tanah ini, Keluarga mereka selalunya mewarisi tanah ini kepada salah seorang anak yang tertua atau abang mereka yang mempunyai ramai anak. Keadaan ini menyebakan mereka lebih melakukannya sekadar sementara sahaja.

Selain dari menoreh, terdapat responden yang ~~buk~~ sendiri dan ternyata ~~usa~~ mereka mendapat pulangan yang baik. Terdapat 3 bentuk kerja yang dilakukan sendiri.

Pertamanya, Seorang responden telah melibatkan diri dalam sektor pertanian dengan mengusahakan kolam ikan. Beliau menamatkan persekolahan ~~yr~~ di peringkat SPM saja. Sebelum menguruskan kolam ikan ini, beliau telah menghadiri khusus yang telah di anjurkan oleh pihak FELDA. Beliau telah mendapat bantuan dari pihak Persatuan Belia dan FELDA. Bantuan terutama dalam bentuk pengurusan dalam soal perkolaman, perparitan dan pembekalan benih ikan. Asalnya kolam beliau ialah dari sebuah paya yang dibesarkan di jadikan sebuah kolam.

Pendapatan diperolehi antara 8-9 bulan sekali, ikan yang diternak ialah lampam jawa, Kalapia Merah dan jelawat. Pendapatan yang diperolehi sekali kolam dibuka ialah antara \$600-\$700. Pasaran ikan terdiri dari penduduk setempat dan beberapa pemborong pasar dan kedai-kedai yang terdapat di sekitar tanah rancangan. Di samping itu dalam menunggu tumbesaran ikan, sekitar kawasan kolam di tanaman dengan tanaman yang boleh mendatangkan hasil seperti tanaman pisang dan beberapa tanaman sayur yang lain. Ini dapat dilihat dari gambar yang ditunjukkan di muka surat sebelah.

Dalam menjalankan usaha ini, beliau mendapat dorongan dari keluarga, serta pengusaha kolam ikan lain yang menjadi saingan turut menggalakkan beliau untuk berusaha.



Gambar 6 ; Menunjukkan Kolam ikan yan diusakan



Gambar 7; Bengkel menbaiki Motorsikal

Keduaanya, salah seorang dari responden telah berusaha memanirka diri dalam pertukangan. Beliau telah menamatkan persekolahan sehingga tingkatan 4. Lantaran minatnya terhadap bidang pertukangan beliau telah bekerja sebagai burun binaan bagi mempelajari asas pemoinaan dan pertukangan. Minat ini apabila beliau mendapat tawaran dari FELDA untuk mendaami sidang ke peringkat yang lebih tinggi. Atas usah beliau, telah mempunyai pejabat untuk mengoperasikan kegiatannya. Beliau mempunyai beberapa orang pekerja dengan purata pendapatan \$25-\$30 senari. Beliau sendiri mendapat pendapatan bersin \$2.000 sebulan.

Kegiatan yang dijalankan bukan hanya disekitar tanah rancangan tetapi beliau selalu mengambil tender tempat lain terutama membuat bangunan tambahan sekolan, baik pulin sekolan, pembuatan jambatan di samping membuat rumah.

Ketiga, seorang responden yang bekerja sendiri, ialah bekas penuntut I.M. (Institusi Teknologi Malaysia). Kegagalan ini tidak menghalang dirinya untuk berusaha. Melalui pengetahuan nya dalam sidang kejuruteraan beliau telah mengikuti kursus secara pensendirian dalam bidang membaiki kenderaan motor. Beliau juga pernah menyertai latihan kemaniran FELDA. Beliau telah mendirikan sebuah Bengkel di tanah rancangan, mempunyai dua orang pekerja yang manir. Pendapatan bersin beliau ialah antar \$1.500-\$1.800.

4 Masalan-masalan pekerjaan

Dari apa yang dijelaskan tadi, ternyata pekerjaan yang dilakukan oleh generasi kedua tanpa rancangan ini tidak memerlukan kelelusun yang tinggi. Pekerjaan yang mereka lakukan hanya berdasarkan kekuatan fizikal tidak menggunakan akal fikiran. Setiap yang dikaji melakukan kerja-kerja seumur hidup. Keadaan ini menyebabkan tidak ramai dari mereka yang mengusahakan bidang-bidang perniagaan kalau adapun terlalu jumlah.

Sebab yang ketara mengapa keadaan ini wujud ialah kurangnya kemaniran, pengalaman dan modal. Ia juga disebabkan kebanyakannya mempunyai kelulusan akademik setakat SPM dan SPM saja, terlalu sedikit yang mendapat kelulusan STPM dan pengajian tinggi. Mereka kurang berkeyakinan untuk mencuba dalam bidang yang lebih mencabar dan yang lebih membawa faedah kepada diri sendiri. Lantaran dari ini pekerjaan yang tidak memerlukan kelulusan tinggi menjadi pernatiian seperti buruh dan bekerja di kilang.

Satu keadaan yang kurang elok, terutama apabila mereka menjadi buruh kontrak ini. Tiada sebarang jaminan keselamatan dari pihak majikan. Pekerjaan ini dianggap memberhaya kerana ia terdedah kepada binatang liar seperti ular yang selalu terdapat di tanah rancangan kelapa sawit. Selain itu contohnya:-

'Seorang pekerja ditimpa oleh tandan kelapa sawit yang telah disusun di dalam lori. Pekerja ini bernasib baik kerana tandan yang jatuh tidak seberapa besar. Beliau hanya di beri cuti tanpa sebarang ganjaran lain.

Keadaan ini kalau terus dibiarkan akan mendatangkan kesan yang buruk kepada mereka yang terlibat dalam pekerjaan buruh kontrak. Sesuatu yang menyediakan ialah kurangnya kesedaran tentang hak-hak mereka sebagai seorang pekerja. Mereka selalunya membiarkan tindakan majikan yang tidak mengambilkira hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan wujudnya keadaan ini bolehlah dikaitkan dengan taraf pendidikan yang mereka perolehi, mereka lebih suka berdiam diri dari mengemukakan tuntutan yang sepatutnya dan apa yang berlaku adalah perkara kecil. Keadaan secara tidak langsung, majikan mengekplotasikan mereka demi untuk mendapatkan keuntungan.

Masalah pendapatan, adalah satu masalah yang dihadapi oleh responden. Pendapatan yang mereka perolehi adalah jauh dari memuaskan terutama mereka yang bekerja buruh ini. Pendapatan mereka rendah dan tidak tetap. Pendapatan mereka berdasarkan kepada keadaan dan musim, contohnya, buruh kontrak mereka hanya bekerja mengikut musim-musim yang tertentu seperti waktu pokok berbuah. Jika musim ini berakhir maka tiadalah peluang pekerjaan untuk mereka. Begitu juga mereka

yang menoreh getah. Jika hari nujan mereka tidak bekerja. Bagi penoreh pendapatan mereka bergantung kepada pasaran dunia. Zaman kemelesetan dahulu mereka mendapat pendapatan terlalu rendah. Keadaan ini menjadi satu sebab mengapa kebanyakan dari responden menganggap pekerjaan itu sebagai pekerjaan sementara.

Persaingan juga wujud dalam tanah rancangan. Persaingan ini wujud dalam dua bentuk. Pertama, persaingan pekerja-pekerja yang datang dari Indonesia yang juga diambil secara kontrak, ini diakui oleh setiausaha JKKh Tanah Rancangan keseluruhan pekerjaan di ladang adalah berat, pekerjaan bukan sahaja dalam mengambil buah sahaja sebaliknya banyak lagi terutama penjagaan dan pembersihan. Pekerja-pekerja dari rancangan di sewaktu nak mengambil buah sahaja, sedangkan buruh dari Indonesia melakukan semua. Jadi pekerja yang diambil adalah sedikit kerana sudan dipenuhi oleh pekerja dari Indonesia.

Keduanya, persaingan dalam menjalankan perniagaan. Tanah rancangan ini adalah dari orang cina dan India. Sesuatu yang nyata terdapat banyak perniagaan yang dibuka oleh golongan bukan bumiputera ini. ini termasuk kedai runcit, kedai gunting rambut wanita dan bengkel membiaki motor. Perniagaan ini dibuka oleh anak-anak mereka. Perkembangan ini menyukar dikalangan belia melayu untuk berjinak dalam perniagaan. pada hakikatnya persaingan ini baik untuk kemajuan. Sebaliknya perkembangan ini dirasakan sebagai satu masalah terutama bersaing dalam mendapatkan pelanggan.

Keadaan ini menyebabkan mereka melupakan niat untuk membuka perniagaan.

4.5 Pengangguran

Pengangguran adalah satu istilah bagi mereka yang tidak bekerja dan tidak mempunyai sebarang pendapatan yang tetap. Mereka yang di kategorikan dalam golongan pengangguran adalah mereka yang bukan pelajar, orang cacat, pesara dan suri rumah. Amnya, pengangguran adalah mereka yang tidak melakukan sebarang pekerjaan yang boleh menghasilkan pendapatan.

Di tanah rancangan ini istilah pengangguran yang sebenar tidak wujud. Kerana walaupun mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap tetapi mereka boleh melakukan kerja-kerja sampingan yang boleh menghasilkan pendapatan. Semada membantu ibubapa mereka di ladang atau mengambil sebarang upah. Dari kajian ini responden yang terlibat semuanya bekerja.

Melalui kajian ini satu trend dimana lelaki lebih banyak melakukan kerja sampingan dari wanita. Malah tidak didapati seorang wanita melakukan kerja sampingan, semuanya makan gaji. Keadaan ini disebabkan

- i. Situasi sekarang lebih banyak wanita yang bekerja di kilang. Mereka lebih mudah untuk mendapat kerja ini, apabila tamat persekolahan mereka begitu mudah untuk bekerja di kilang.
- ii. Wanita perempuan jika selepas tamat persekolahan mereka tidak duduk lagi di rumah. Ini adalah disebabkan mereka cepat berumahtangga.

Dari apa yang diincangkan, pekerjaan yang dilakukan oleh responden tidak semuanya boleh menjamin masa hadapan. Apa yang boleh dikatakan pekerjaan ini hanya cukup untuk diri mereka seorang sahaja, tidak untuk masa hadapan apabila mereka berkeluarga. Mereka tidak boleh tinggal terus di tanah rancangan kerana tanah itu diwariskan pada seorang sahaja.

Sikap yang berbeza dengan ibubapa mereka sebagai peneroka pertama dahulu menyebabkan mereka tidak berminat untuk menjadi peneroka. Kalau adapun jumlahnya adalah terlalu kecil memohon untuk menjadi peneroka. Tetapi apa yang nyata kebanyakkan kerja yang diceburis⁺ sekarang adalah pekerjaan yang berdasarkan kekuatan fizikal dan terdedah kepada banyak bahaya. Keadaan ini perlu diambil berat oleh pihak yang terlibat untuk menjamin masa hadapan mereka, iaitu generasi kedua.

Bahan-bahan rujukan.

1. Banci Penduduk.Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Penyelidikan Malaysia.Kuala Lumpur.1985.hal 45
2. Raymond Firth. Malay Fishermen.Their Peasant Economy Anchor Books.Hamden Cann.London.1966 hal3
3. Banci Penduduk.Jabatan Perangkaan Malaysia, Unit Penyelidikan Malaysia.1985.hal 50.

Bab 5

Rancangan Felda untuk Generasi Kedua
dan Cabaran masa kini.

5.1 Rancangan FELDA.

Di antara tujuan yang perlu dilaksanakan oleh pihak FELDA ialah merancang dan melaksanakan usaha-usaha ke arah pembangunan generasi kedua. Ini adalah disebabkan bilangan seramai 137,450 jumlah itu akan bertambah setiap tahun, termasuklah generasi tanah rancangan sendayan ini.

Antara polisi FELDA hari ini ialah; -

- a. Mengadakan khusus pertanian asas bagi memboleh ~~memboleh~~ anak peneroka membantu dan mengambil alih kerja ladang di tanah rancangan.
- b. Menyediakan bantuan pinjaman kepada belia yang ingin menjalankan perniagaan .
- c. Mengadakan khusus latihan dalam bidang vokasional bagi tujuan melengkap mereka mendapatkan ~~pake~~ pekerjaan atau membuka perniagaan sendiri.
- d. Kegiatan ekonomi, sukan dan kebudayaan untuk beliawanis Rancangan melalui persatuan belia.
- e. Pendidikan dan pelajaran agama untuk pembangunan atau pengetahuan rohani.
- f. penubuhan skim belia Tani(BENTARA) untuk mengembangkan tenaga kerja dalam lingkungan umur 18-35.
- g. Memberi peluang pekerjaan melalui, projek perniagaan dan khidmat sokongan yang diperlukan dengan memberi khidmat ~~nasihat dan~~ bimbingan kerjaya, supaya anak peneroka dapat memilih bidang yang secocok dengan jiwa mereka dan

dengan jiwa mereka dan dalam masa yang sama memberi feadan kepada masyarakat dan agama.

5.2 Generasi kedua tanan rancangan dengan latihan

Kemahiran.

Responden yang dikaji ,adalan terdiri dari mereka telah menamatkan persekolahan mereka.Kelulusan yang mereka perolehi belum cukup untuk menjamin masa hadapan yang baik.Kesimpulan yang boleh dibuat dari bab sebelumnya, pekerjaan yang mereka lakukan tidak memerlukan kelulusan yang tinggi.Kelulusan yang mereka perolehi itu kadang-kadang menyukarkan mereka untuk mendapat kerja diluar.Ini menyebabkan mereka termas tinggal di tanah rancangan.

Keadaan mereka ini sama dengan 34.442 mengikut perangkaan 1988) anak peneroka yang berada di peringkat lepasan sekolah.3* Jika tidak dilakukan sesuatu terhadap mereka ,kemungkinan besar mereka akan mengalami satu kehidupan yang sukar di masa nadapan.

Menyedari tanggungjawab yang besar ini maka FELDA menubuhkan pusat latihan kepada anak-anak peneroka. pusat latihan yang terbesar ialan pusat latihan Input Trolak di perak.pusat latinan kecil terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia.Melalui latihan ini FELDA berharap

gar golongan ini mempunyai satu kemaniran yang boleh i explotasikan demi kepentingan diri, dan seterusnya oleh menjadi masyarakat yang bertanggungjawab dan produktif.4

ntara lain sebab kewujudan latihan kemahiran ialah; -

- i. Melengkapkan para belia dalam bidang kemahiran tertentu supaya mereka dapat berdikari dan sedia menceburi diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan yang yang berkaitan dengan kemahiran.
- ii. Melahirkan tenaga kerja yang mahir di kalangan belia dan beliawanis yang berkebolehan untuk berkhidmat di sektor pembuatan,
- iii. Mengurangkan kadar pengangguran para belia di sektor pertanian , khasnya di tanah rancangan melalui pekbagai latihan kemahiran.

Daya usaha yang dimainkan oleh FELDA ini juga selaras dengan pembangunan perindustrian yang semakin esat termasuk penubuhan beberapa beberapa industri berat ang memerlukan tenaga mahir. Dalam masa yang sama terdapat juga keperluan yang meningkat bagi kepakaran pengurusan i semua peringkat untuk menampung perkembangan yang esat di bidang perniagaan dan perdagangan.5* Bersesuaian engan polisi kerajaan(berdasar dalam tempoh RML) program latihan bukan saja untuk menyediakan pelatih-pelatih engan kemahiran bagi mendapat pekerjaan tetapi untuk ekerja sendiri.

//dimana ja
belia?

i. Pusat Latihan Input

Pusat Induk Trolak, yang mengadakan latihan untuk anak-anak peneroka dan juga pegawai-pegawai FELDA.

Jadual 19

Jenis Khusus/Jangkamasa, Pusat Latihan Trolak

Tempat Khusus	Jenis Khusus	Jangkamasa
Pusat latihan trolak	Pertukangan Kayu.	6 bulan
	b. Rawatan Radia	6 bulan
	c. Automobil	6 bulan
	d. Pendawaian Elektrik.	3 bulan
	e. Pendawaian Juruletrik Automotif.	3 bulan
	f. Mengetuk/cat kereta.	3 bulan
	g. Mebiaki mototsikal	3 bulan
	h. Kimpalan	3 bulan
	i. Kesejahteraan keluarga	2 bulan
	j. Penyeliaan Restoran	4 bulan
	k. Tadika	6 bulan
	l. Menaip	3 bulan

Sumber; Ibupejabat FELDA Kuala Lumpur.

Komplek Latihan Trolak mula digunakan dalam tahun 1984. Langkah ini adalah untuk meningkatkan mutu latihan FELDA di samping mengadakan kemudahan yang paling lengkap dan kemaskini. Di pusat ini cuba diberi pendekatan latihan yang lebih berkesan semoga dapat memberi Implikasi dalam membentuk sikap dan kebolehan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

Dari jadual 19, ditunjukkan pusat ini menyediakan pelbagai latihan yang membentuk pelatih-pelatin ke arah kemahiran yang berguna. Bagi memudahkan pelatih mengikuti khusus pelbagai kemudahan yang setanding dengan institut yang lain seperti INTAN dan DPN. Kemudahan tersebut ialah seperti dewan kuliah, bilik seminar, peralatan kemahiran, ~~segta~~ unit latihan bergerak.

Di samping itu ia menyediakan sebuah perpustakaan yang mempunyai koleksi sebanyak 4,000 naskah mengenai pembangunan dan penempatan. Di sini disediakan juga Asrama yang boleh memuatkan seramai 440 peserta.

ii. Pusat dan sekolah latihan Kemahiran lain anjuran FELDA

Wujudnya pusat dan sekolah ini adalah untuk memenuhi keperluan latihan yang semakin meningkat. FELDA telah mengambil inisiatif dengan membina sebuah pusat dan 4 lagi sekolah latihan. Tempat tersebut ialah:-

- i. Pusat latihan Tekam, Pusat Jengka Pahang.
- ii. Sekolah latihan, Pasir Besar, Gemas.
- iii. Sekolah latihan Bukit Besar, Kulai.
- iv. Sekolah latihan Keratong, Segamat.

Jadual 20

pusat/sekolah latihan, khususudan jangkamasa.

Tempat	Jenis khusus	Jangkamasa
i, pusat latihan Tekam Jengka Pahang	a. Memandu lori/ Bas(kelas E) (lelaki)	3 bulan
	b. Memandu trektor kelas F(lelaki)	3 bulan
	c. Memandu Jentera Berat kelas 1 (lelaki)	3 bulan
	d. Menternak lebah madu	1 bulan
ii. Sekolah latihan pasir Besar, Gemas.Negeri Sembilan.	a. Menurap batu bata/batu blok (lelaki)	6 bulan 2 minggu
iii. Sekolan latihan Keratong, bandar 22, Segamat.Johor	a. Menaip (perempuan)	3 bulan
iv. Sekolah Latihan Bukit Besar, Kulai,Johor	a. Jahitan (perempuan)	6 bulan

Sumber; Ibupejabat FELDA Kuala Lumpur.

Jika dibandingkan dengan kompleks latihan FELDA di Trolak, kemudahan yang terbaik dan moden memang tidak disediakan. Namun begitu kemudahan asas seperti asrama penginapan, kemudahan menjalankan dan seumpamanya memang di sediakan. Maka adalan menjadi harapan pihak FELDA dalam merancangkan penubuhan pusat dan sekolah latihan ini akan dapat memberi asas kepada pelatih bagi menjalankan perusahaan sendiri.

5.3 Penglibatan responden dalam latihan Kemahiran.

Dari kajian yang dibuat, 8 orang responden telah menyertai latihan kemahiran yang disediakan oleh pihak FELDA. Jumlah ini adalah 20% dari jumlah keseluruhan responden. Bidangnya dapat dilihat dalam jadual dibawah.

Jadual 21

Menunjukkan penglibatan responden dalam latihan kemahiran

Jenis khusus	responden	kelulusan	J/masa	bekerja
a. Membaiki Motorsikal	dua orang	SPM	3 bulan	sudah
b. pertukangan (trolak)	seorang	SRP	3 bulan	sudah
c. pemandu lesen E(Terkam)	dua orang	SRP / SPM	3 bulan	sudah
d. penyelia Restoran.	seorang	SRP	3 bulan	belum
e. Pendawaian Elektrik.	dua orang	SPVM / SPM	3 bulan	sudah

Sumber; Hasil Kajian.

Dari jadual 21, penyertaan mereka adalah terhad. Ini menunjukkan latihan kemahiran ini masih belum mendapat ambutan yang menggalakkan di kalangan generasi Kedua dan rancangan ini. Walaupun dalam jadual menunjukkan mereka sudah bekerja hasil dari latihan yang disertai.

Antara yang dapat dirumuskan mengapa latihan ini tidak mendapat sambutan ialah;

- i. Jangkamasa yang diperuntukan untuk menjalani latihan ini adalah terlalu pendek, dalam jangka masa itu adalah sukar untuk mempelajari sesuatu kemahiran. Tidak ada khusus lanjutan yang diberikan oleh pihak FELDA. Ini menyebab pelatih tidak beberapa mahir dan kurang berkeyakinan untuk melaku sesuatu yang berkaitan dengan kemahiran.
- ii... Kebanyakkan dari mereka yang berjaya dalam latihan ini mempunyai asas-asas tertentu di dalam sesuatu kemahiran yang dikemukakan, contohnya, juru elektrik Automotif, pendawaian elektrik dan pertukangan kayu. Mereka perlu asas dalam bidang ini, sekurang-kurangnya SPVM. Sekiranya mereka mempunyai sijil SPM untuk mengikuti latihan belum pasti mereka berjaya.
- iii. Latihan ini bukanlah menjanjikan sebarang pekerjaan apabila sesuatu latihan itu ditamatkan pihak FELDA sendiri tidak menjamin hal ini, walaupun dalam jadual 21 menunjukkan ada yang sudah bekerja. Itu secara kebetulan jika ada kekosongan. *pulaup-*

Ada mereka yang telah menyertai latinan ini tetapi tidak mendapat sebarang pekerjaan. *contohnya* ialah seorang

sponden yang menyertai latihan penyelian restoran sehingga kini masih belum mendapat sebarang pekerjaan walaupun ini menyebabkan mereka tidak lagi memberi harapan yang tinggi untuk menyertai latihan ini. Lantaran itu mereka lebih suka mencari pekerjaan yang yang tidak memerlukan kemaniran terutama kerja buruh dan kilang. Begitu jugalah dengan responden yang tidak mendapat sebarang pekerjaan dari khusus penyelian restoran, eliau telah bekerja kilang.

4 Pekerjaan melalui persatuan Belia Tanah Rancangan.

i. Pengertian Belia.

'Belia adalah satu golongan atau kelompok umur anggota sebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tingkah-laku budaya tertentu.

Kedudukan, peranan dan penglibatan mereka adalah bergantung kepada suasana, struktur serta sistem kehidupan sesebuah masyarakat, samada berkaitan dengan ekonomi, tingkat kemajuan, sesio-ekonomi, pendidikan, ideologi nilai-nilai sosio-budaya atau lain-lain.

Sebagai golongan yang golongan yang produktif idealistik dan bakal menjadi bakal pemilik masa hadapan masyarakat. Maka ternyata adanya berbagai bentuk penglibatan sebagaimana yang telah dibincangkan diatas tadi, golongan ini boleh digunakan dalam berbagai tujuan dan aktiviti masyarakat dan Kemanusiaan, malahan

untuk apa saja. Dengan hal yang demikian golongan ini sesungguhnya akan turut menghayati perubahan-perubahan dan perkembangan yang terjadi dalam masyarakat nya bankan menjadi satu tenaga penting hal ini. Pendapat Rosemayr yang berupa ".... Youth is a product as well as a force in social change or social Transformation" adalah menegaskan kenyataan di atas.

*6

Satu cara mengumpul tenaga belia, atau generasi edua ini ialah melalui persatuan Belia tanah rancangan bertubuhan ini ditutbahkan atas beberapa sebab,

- i. Mengembiling tenaga Belia di Tanah Rancangan secara berpersatuan. Tenaga mereka boleh diarahkan kepada sesuatu yang berguna.
- ii. Melanirkan Belia yang bermoral tinggi, normat dan cinta kepada Negara.
- iii. Mengwujudkan Belia yang progresif, kesatuan dari segi sosial dan mempunyai tahap taat setia yang tidak berbelah bagi berdasarkan prisip Rukun Negara.
- iv. Cuba mengelakkan Belia dari terlibat dengan pekara yang merosakkan dengan menggalakkan mereka menyertai aktiviti berpersatuan.
- v. Melengkapkan diri Belia dengan ciri-ciri kepimpinan sesuai dengan peranan mereka

yang akan mengganti masyarakat masa hadapan.

FELDA telah menubunkan rangkaian persatuan Belia setiap tanah rancangan. Di samping itu di peringkat Wilayah seterusnya diwujudkan satu bahagian pembangunan Belia di peringkat Ibupejabat bagi memerhatika perkembangan rtubunan-pertubuhan Belia ini.

persatuan ini diberi bantuan dalam melaksanakan suatu projek baik dalam bidang ekonomi, sosial maupun dalam bidang politik. Persatuan ini cupa memupuk kerjasama antara belia dan secara tidak langsung mengujudkan belia yang berdikari.

. Persatuan Belia Tanah Rancangan Sendayan

Tanah Rancangan ini mempunyai persatuan Belia yang amat aktif dengan penglibatan dari semua belia tanah Rancangan. Di bawah persatuan ini ditubunkan biro-biro lagi mencapai hasrat mereka di pelbagai bidang. Persatuan ini telah ditubunkan pada tahun 1983. Di bawah persatuan ini terdapat biro-biro.

- a. Kegiatan biro sukan
- b. Kegiatan biro Kebudayaan
- c. Kegiatan Biro wanita
- d. Kegiatan biro Latihan/pelajaran
- e. Kegiatan biro masyarakat
- f. Kegiatan biro ekonomi /

Peglibatan belia dalam bidang ini lebih tertumpu kepada biro ekonomi. Projek-projek yang ada dibawakan biro ni berkaitan dengan kegiatan pertanian dan Belia niaga, englibatan responden dalam projek ini dapat dilihat dalam dua bentuk. Pertama, Peglibatan secara keseluruhan ke atas esuatu kegiatan dan seterusnya menjadikan ia sebagai satu encarian tetap dalam kegiatan ini. Keduanya, melakukan secara sambilan, terutamanya projek yang dilibati ialah dalam jangka masa yang tertentu sahaja. Dijalankan di sebelah petang dan dijalankan secara bergilir.

Antara projek yang dijalankan ialah tanaman usaha ama sayur-sayuran, pisang dan koko. pertenakan juga dijalankan ai tu penternakan ayam daging. Projek seterusnya adalah bentuk perniagaan seperti bengkel membiaki motor, kedai gunting dan kedai jahitan.

Salah satu projek belianiaga yang berjaya ialah kedai janitan. Di samping itu ia menjadi wakil dari KEMAS (Kementerian Kemajuan Masyarakat) sebagai tenaga pengajar dalam bidang jahitan. Di Kedai jahitannya juga terdapat perlatan perkawinan untuk disewakan, beliau juga mengambil upah untuk menjalankan pengandaman pengantin.

Sebelum membuka kedai jahitan ini, beliau telah mengikuti latihan kemahiran menjahit yang dianjurkan oleh bersatuan Belia tanah rancangan. Apabila tamat khusus, beliau melanjutkannya di KEMAS bagi memahirkan lagi diri dalam bidang jahitan.

Sebagai usaha untuk mengurangi usaha beliau telah membuka sebuah kewai janit di bawah rancangan. Tapak perniagaan ini dibuka dengan modal sendiri dan pinjaman bank. Beliau mempunyai satu dasar termudah usaha untuk membantu sesiapa yang perminta dalam perniagaan. Tapak iberikan tanpa mengenakan sebarang bayaran asal mereka yang ingin berkecimpung dalam perniagaan ini mempunyai modal untuk berniaga.

Di kewai ini juga ia dijadikan kelas untuk menjanit engajar belawanci tanah rancangan. Hasil dari kemaniran yang dimiliki beliau tiba-tiba dapat mempelbagaikan sumber pendapatannya. Pertamanya, beliau menjadi salah seorang enaga pengajar sementara KEMAS dalam khusus janitan dan engandaman. Kedua-duanya, melalui penyewaan baju pengantin upan mengandam pengantin.

Beliau mempunyai pelanggan di sekitar tanah rancangan dan sedikit pendapatan yang diperoleh dari yuran yang ikenakan kepada mereka yang belajar menjanit. Pendapatan eliau setiap bulan antara \$1,200-\$1,500, ini juga bergantung pada masa, jika masa cuti sekolah banyak tempanan pengantin maka akan akhir pendapatan beliau.

Puncak kejayaan beliau, apabila beliau di peringkat belawanci conton 1985 seluruh negeri Semoilan atas segala usaha yang telah dilakukan.



Gambar 8; Kedai Jahitan disamping barang lain



Gambar 9; Projek pertanian yang dijalankan

Satu lagi projek persatuan belia yang menyediakan peluang peluang pekerjaan ialah projek pertanian sayuran dan tanaman pisang. Kegiatan ini dilakukan dalam dua bentuk.

1. persatuan Belia ini memberi bantuan kepada belia yang sudah mempunyai tanah sendiri.
2. Tanah diberikan oleh pihak FELDA untuk di usahakan oleh beberapa orang lain.

Di antara 2 bentuk kegiatan ini, responden banyak terlibat didalam bentuk yang kedua, tanaman cara berkelompok mereka memperolehi bantuan dari dari persatuan Belia dan pihak pentadbiran tanah rancangan.

Pertanian bentuk ini, dilakukan secara bergotong royong, penjagaan ladang ini dilakukan secara bergilir-gilir mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Semasa kajian ini dijalankan ladang ini belum lagi mengeluarkan hasil. Mengikut penyelaras projek ini, hasilnya akan dibahagi mengikut ahli ian akan disalur dalam tabung persatuan sebagai modal untuk mengujudkan projek-projek lain demi faedah ahli.

Tanaman mereka ialah jemis tanaman kontan, seperti terung, cili, pisang dan timun. Penglibatan responden dalam projek ini tidaklah menyeluruh. Mereka kebanyakannya lebih menumpukan kepada kerja tetap tetapi bagi mereka yang menoreh boleh dikatakan mereka melibatkan diri sebagai memenuhi masa lapang mereka.

Dari apa yang dibincangkan tadi, jelas menunjukkan

persatuan belia ini disebuah tanah rancangan cuba menajamkan minat mereka untuk berusaha sendiri dan cubaa mengujudkan semangat perkumpulan.Melalui projek dinarapkan dapat membuka jalan kepada belia untuk berusana.

Kegiatan yang dijalankan bukan sahaja yang berbentuk ekonomi tetapi terdapat juga kegiatan sukan,kemasyarakatan dengan tujuan untuk wujudkan hubungan yang baik di kalangan belia tanah rancangan serta cuba menggalakkan belia menyertai aktiviti-aktiviti bagi memenuhi masa lapang dan mengelakkan belia dari melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Peranan Belia Rancangan ini dikukuhkan dengan mengujudkan gabungan Persatuan Belia di antara Tanah Rancangan. Contohnya, terdapat Majlis Belia FELDA wilayah Negeri Sembilan Barat.(linat Lampiran)

5.4 Masalah Untuk terus tinggal di tanah rancangan

Walaupun FELDA telah cuba sedaya upaya untuk menolong generasi kedua,tetapi terdapat masalah yang menyebabkan responden kurang berminat untuk tinggal di tanah rancangan dan seterusnya mengerjakan ladang mereka Dari kajian yang dibuat masalahnya adalah seperti berikut;

Pertamanya,Masalah tanah pusaka.Ini bermula dengan andaian setiap keluarga mempunyai enam orang ahli keluarga dengan keluasan tanah 4.5 hektar tanpa memasuki kawasan tapak rumah.Sekira pembahagian samarata di kalangan anak anak itu sebagai pewaris yang sah kepada setiap anak maka

setiap anak akan mendapat 0.8 hektar tanah seorang. Dari sudut ekonomi dengan keluasan yang begitu adalan tidak sesuai dan bukanlah saiz yang ekonomi untuk dikerjakan secara komersial. Ini adalah berdasar hukuman bertambah kurang. (The Law of Diminishing).

Ini ditambah lagi dengan harga barang pertanian seperti getah dan kelapa sawit yang turun naik namanya, maka sekiranya masih kekal tinggal di tanah rancangan dengan mengusahakan tanah pusaka dengan kadar pendapatan yang terlalu rendah. Keadaan ini memungkinkan mereka akan mengulangi kadar kemiskinan yang dialami oleh keluarga sebelum memasuki tanah rancangan ini dahulu.

Jadi masalah pemecahan tanah ini hanya menyebabkan saiz milik tanah tidak ekonomik untuk diusahakan secara moden. Justeru itu pengenalan sistem saham yang dicadangkan oleh pihak FELDA baru-baru ini sesungguh menjadi alternatif kearah penyelesaian masalah ini di masa akan datang. Tapi malangnya ia terpaksa dimansuhkan atas kehendak peneroka sendiri.

Keduanya, Masalah tempat kediaman. Generasi kedua menghadapi masalah asas untuk mendapatkan tapak rumah. Apabila mereka berkeluarga nanti. Perancangan Lokasi perumahan yang teratur dan sistematik yang diperkenalkan oleh FELDA setiap tanah rancangan, tidak membenarkan sebarang waris atau anggota keluarga mendirikan rumah dimana-mana kawasan rumah walau pun telah diberikan geran nanti.

Ini sebenarnya adalah wajar sesuai dengan falsafah pembangunan FELDA , untuk menempatkan orang yang tiada tanah dalam satu kawasan yang subur dan produktif sehingga mereka dapat menjalankan kehidupan yang tenteram dalam situasi kedudukan ekonomi dengan kediaman yang teratur dan selesa.Memberi kebebasan membina rumah disekitar kawasan rumah hanya akan meletakkan mereka dalam kampung yang bersifat tradisional atau setinggan di kawasan bandar yang berselerak tanpa pelan walhal inilah yang cuba dielakan oleh FELDA semenjak ditubuhkan dahulu hingga ke saat ini.Walaubagaimanapun untuk mengatasi masalah ini belum ada penemuannya hingga saat ini.

Ketiga,Latarbelakang pendidikan responden yang terlalu akademik,merupakan satu masalan kepada generasi kedua yang tidak mendapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.Keadaan ini menyebabkan menyukar mereka untuk melibatkan diri dalam bidang vokasional dan teknik Dalam sukatan pelajaran negara ini,kecenderungan kearah tadi adalah amat ketara dari peringkat sekolah rendah hingga keperingkat yang tinggi.Akibatnya kebanyakkan anak peneroka(Termasuk anak-anak dalam sektor pertanian pertanian lain dan perkhidmatan kerajaan)setelah selesai menjalankan pendidikan formal mereka akan masuk ke dalam masyarakat dengan berbekal sijil yang berbau akademik.Dengan sijil yang bekelulusan Bahasa Malaysia,Sejarah,Ilmu Alam dan sebagainya.Ini meletakkan mereka ke dalam delima mencari kerja.

Fomemena di atas adalah didorongkan oleh tanggapan untuk bergaji tetap, lebih mudan kerjanya dan lebih menjamin masa hadapan. Cukup makan dan cukup pakai sudah, Gagasan supaya menjadi usahawan gagal. Akhirnya mereka memburu pekerjaan di pejabat kerajaan. Memang benar sebahagian dari anak peneroka telan mendapat latihan dan kemahiran tetapi kemahiran yang mereka peroleh itu tinggal berlapuk kerana gagal untuk mendapat pekerjaan dan takut untuk bermiaga akibat dari persaingan yang banyak.

Lebih ironi ialah terdapatnya keadaan aanak peneroka berpendidikan formal di sekolah serta intitusi yang belajar dalam kemahiran bertani tetapi apabila pulang ke tanah rancangan tiada ruang untuk berusaha dan mengimplikasikan apabila tanah yang dimiliki adalah sekankang kera.

Keempat, Generasi kedua yang tidak terpilih sebagai pewaris tanah, apabila mereka dewasa dan berkeluarga mereka terpaksa berpecah dan memasuki bidang lain. Ini adalah di sebabkan FELDA tidak boleh memilih untuk menarik balik hak milik tanah dan membanagikan kepada pewaris yang tidak ekonomik, malah akan menimbulkan masalah pertempatan lokasi rumahnpewaris baru.

Walaubagaimana pun untuk menjamin kekalan peranan FELDA dalam pembangunan penduduk dalam jangka panjang Corak pemilihan yang ada sekarang haruslah dikekalkan atas nama seorang pewaris saja. Peneroka yang tua harus menamakan seorang yang betul-betul berminat dalam hal pertanian untuk meneruskan aktiviti pertanian yang serius.

Bahan Rujukan

1. FELDA. Maklumat asas FELDA . Ibupejabat FELDA
Kuala Lumpur.1989.
2. FELDA. Sumbangan FELDA terhadap pembangunan Negara
Ibupejabat FELDA Kuala Lumpur.
3. Mat Abas Yusof. Beberapa kegiatan sosial FELDA.
dalam, kokolium kebangsaan penghijrahan dan pertematan
di kawasan pembangunan wilayah, (31.10-4.11.1977)
Genting Highlands.Hal4-5,paper 6.
4. Aladin Hashim; FELDA- satu tujuan makro. persidangan
pegawai FELDA.(7hb-9hb julai 1977)Kuala lumpur.
hal 17-18,paper 1.
5. Rancangan Malaysia kelima,(1986-1990).Jabatan percetakan
Negara.Kuala Lumpur.1989.Hal 554.
6. Majalah Peneroka,Jun 1989.hal 6-7

Kesimpulan

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah minat generasi kedua untuk bekerja di tanah rancangan khususnya pekerjaan diladang. Adakah sikap mereka sama dengan sikap ibubapa mereka yang menjadi peneroka di awal lalu. Sikap ini penting bagi meneruskan kesenambungan tanah rancangan ini. Kajian ini juga cuba melihat pekerjaan yang dilakukan oleh generasi di tanah rancangan. Kajian ini bukan untuk mencari penyelesaian tetapi apa yang diharapkan ia dapat memberi ruang untuk disedari akan keadaan mereka.

Pada hakikatnya FELDA telah berjaya melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan oleh kerajaan kepada nya untuk meninggikan taraf ekonomi peneroka. Ini ternyata dengan kejayaannya membuka skim pembangunan Tanah rancangan. FELDA juga telah menyalurkan pelbagai bantuan kewangan, tempat tinggal, kemudahan Insfruuktur dan lain-lain. Bantuan ini telah menjadikan kehidupan peneroka dalam ~~keadaan~~. Keadaan yang selesa dan terjamin, bila dibandingkan dengan ~~keadaan~~ semasa di kampung asal dahulu. Keadaan ini menyebabkan timbul desas desus yang menyatakan masyarakat peneroka adalah masyarakat yang terpilih dan dimanjakan.

Seiringan dengan pencapaian taraf hidup yang lebih baik berbanding dengan semasa di kampung dahulu kita dapati secara tidak langsung telah wujud satu fonemena baru di kalangan masyarakat peneroka iaitu semakin bertambah bilangan anak peneroka diseluruh Tanah Rancangan. Mengikut bancian 1987 terdapat 137.450 semuanya, ternyata

ini satu jumlah yang besar. Begitu jugalan dengan tanan Rancangan ini dari kajian, jumlah generasi kedua melèbihi peneroka asal. Jumlah ini akan bertambah dari masa ke semasa oleh itu menjadi tugas FELDA untuk membuat perancangan yang teliti agar generasi ⁱⁿⁱ dapat pembelaan yang sewajarnya dan jaminan hidup yang sebaik mungkin. Ini adalah disebabkan kita tidak mahu melihat keadaan anak peneroka pada masa hadapan berbalik kepada keadaan asal ibubapa mereka. Membiarkan masalah yang lalu timbul semula.

Dari kajian yang dibuat, kesemua responden telah menamatkan persekolahan mereka. Pencapaian mereka adalah setakat SRS dan SPM. Ini bukanlah satu tahap yang memuaskan. Daripada data-data yang diperolehi dari ibup^ujabat FELDA, Kuala Lumpur dan pejabat Wilayah, masih ramai anak peneroka yang terkandas dalam menghadapi peperiksaan ini. Gejala ini tidak seharusnya dipandang enteng oleh pihak-pihak tertentu terutama FELDA, tetapi sebaliknya hendaklah melakukan sesuatu tindakan agar perkara seumpama ini dapat dikurang atau diatasi sama sekali. Ini disebabkan FELDA mempunyai kemampuan dan kesanggupan untuk melakuk^u tugas yang berat ini. Ini dapat dilakukan melalui badan pembangunan sosial di peringkat wilayah dan rancangan. Kita tidak sesekali mahu melihat kejayaan anak peneroka hanya berdasarkan kuantiti saja, tetapi mengabaikan dari segi kualiti.

Akibat secara langsung daripada kegagalan ⁱⁿⁱ anak peneroka ini mencapai pretasi cemerlang dalam bidang

pelajaran, ialah terhadap pekerjaan yang mereka ceburi, hasil kajian yang dijalankan didapati jumlah majoriti anak peneroka bekerja di dalam bidang yang tidak memerlukan kelulusan yang tinggi, seperti menjadi buruh ladang atau bekerja dikawasan perkilangan. Sektor ini tidak memerlukan kelulusan yang tinggi dan sebarang kemahiran. Akibat dari ini mereka mendapat pendapatan yang rendah, tidak berupaya menambahkankan pendapatan mereka. Pendapatan mereka hanya bergantung kepada kekuatan fizikal yang sedia ada, sekiranya sakit, musim hujan dan lain-lain halangan menyebabkan pendapatan mereka jatuh. Punca pendapatan bergantung kepada keadaan dan ini boleh mempengaruhi kehidupan di masa akan datang.

Dari kajian ini juga didapati generasi kedua tidak berminat untuk mengusahakan ladang mereka. Kebanyakkan dari mereka menganggap pekerjaan ini adalah sementara sebelum mendapat peluang yang lebih baik, berbagai alasan dikemuka untuk menyokong minat mereka. Ini tidak boleh disalahkan mereka sepenuhnya kerana polisi FELDA tidak memungkinkan semua anak peneroka mengusahakan ladang, pewarisan tanah hanya untuk seorang anak saja bukan semua, malangnya masih banyak anak peneroka lepasan sekolah tinggal di tanah rancangan tanpa sebarang pekerjaan tetap.

Bagi menggalakkan mereka berdikari dan menambahkan pendapatan mereka FELDA telah membuka pusat latihan kemahiran dan memberi sepenuh peluang kepada anak peneroka untuk menyertai latinam kemahiran ini. Di samping itu FELDA sentiasa

mencari peluang pekerjaan untuk meletakkan anak-anak peneroka di perbadanan-perbadanan FELDA, kilang mahupun di tanah rancangan. FELDA juga bertindak mencari pekerjaan di sektor swasta untuk disalurkan kepada anak peneroka yang mempunyai latihan kemahiran.

Tetapi apa yang wujud di tanah rancangan ini, latihan kemahiran ini masih tidak mendapat sambutan di kalangan generasi kedua tanah ~~rancangan ini~~. Keadaan ini disebabkan jangkamasa yang pendek yang tidak memungkinkan seseorang itu mahir dan peluang pekerjaan yang amat terbatas walaupun pada dasarnya FELDA cuba mengujud dan mencari peluang pekerjaan kepada mereka yang baru menjalani latihan.

Apa yang harus dilakukan oleh FELDA untuk mengatasi masalah ini ialah meluaskan latihan kemahiran ini serta melanjutkan lagi jangkamasa latihan sesuatu kemahiran itu. Kebiasaan yang boleh dilihat dari generasi ini, melakukan sesuatu berdasarkan apa yang diperkatakan oleh kawan, contohnya apabila kawan menyatakan latihan kemahiran itu tidak baik, mereka turut mengakui itu tidak baik. Dengan kata lain mereka ini kurang dengan maklumat. Pejabat tanah rancangan seharusnya memainkan peranan yang lebih penting terutamanya dalam penyampaian maklumat kepada generasi kedua tanah terhadap khusus dan latinan yang dijalankan. Tidaklah dengan hanya menampalkan kertas yang kecil, ini melambangkan tiada daya usaha dari pinak pejabat. Keadaan ini harus diatasi, mereka yang bertanggungjawab harus berperanan untuk

menyampaikan berita-berita serupa ini. Contohnya persatuan Belia, peluang ini harus ditampal dengan poster di seluruh tanah rancangan dan diletakkan di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai terutama masjid, kawasan permainan dan kedai.

FELDA juga harus mengambil tindakan susulan yang lebih berkesan untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan atau memberi sokongan terutamanya dalam bentuk sokongan moral dan bantuan kewangan. Bantuan ini harus diberikan secara berterusan bagi membolehkan anak peneroka terus berdikari. Ada yang berjaya, contohnya seperti apa yang dibincangkan dalam bab 5, seorang responden berjaya menjadikan jahitan sebagai satu mata pencarian. Bantuan yang berterusan menampakkan lagi fungsi FELDA.

Persatuan Belia memainkan peranan yang penting di dalam mengujudkan peluang pekerjaan, walaupun ia tidak mengujudkan pekerjaan yang tetap tetapi peranannya cukup unjuk menjadi tapak untuk belajar berdikari. Perkembangan pertubuhan ini di tanah rancangan mempunyai visi-visi yang tertentu contohnya, projek-projek yang dijalankan mempunyai feadah yang besar kepada ahli.

Generasi kedua juga menghadapi masalah untuk terus tinggal di tanah rancangan dan ini membunuh terus minat mereka untuk mengusahakan ladang mereka. Masalah ini ialah masalah tanah pusaka, tidak semua anak peneroka dapat menerus kehidupan mereka di tanah rancangan hanya seorang sahaja

Ini ditambah lagi dengan kawasan kediaman yang terhad membuatkan mereka tawar hati untuk meneruskan usaha-usaha diladang, usaha yang dijalankan adalah berbentuk sementara dan sebarang yang dilakukan di tanah rancangan tidak pernah bersungguh-sungguh melakukan kerja di tanah ibubapa sendiri. Ini terbukti dengan kajian yang dibuat dalam bab 3 dan 4 mereka tidak begitu minat untuk mengusahakan ladang. Walaubagaimana pun ini adalah berkaitan dengan masalah dasar-dasar FELDA demi kepentingan sesio-ekonomi peneroka sendiri, terutamanya untuk menggalakkan kesesakan. Sehingga ke saat ini FELDA sendiri tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Pelajaran juga perlu ditingkatkan. Ini memandangkan ramai dari anak peneroka belum mencapai tahap pendidikan yang memuaskan. Pelajaran mereka hanya membanyakannya di peringkat SRP dan SPM saja. Terlalu kurang yang boleh menjalankan kaki mereka diperinkat pengajian tinggi. Pelajaran adalah sesuatu yang penting untuk mengubah kehidupan seseorang. Walaupun diakui sistem pelajaran tidak memenuhi bidang yang tertentu, namun begitu keseluruhan pekerjaan terutama di sektor kerajaan dan profesional masih memerlukan kelulusan akademik yang tinggi.

Oleh itu perancangan FELDA adalah perlu untuk menggalakkan anak peneroka ini untuk belajar-belajar bersungguh-sungguh. Antara langkah yang boleh dijalankan

ialah dengan memberi kesedaran kepada anak peneroka tentang betapa pentingnya pelajaran, walaupun kita sudah berada di dekad, sudah menyedari akan kepentingan pelajaran tetapi sebagai pihak yang bertanggungjawab harus meneruskan usah untuk memberi kesedaran terutama dalam bentuk penampalan poster dan filem dokumentari.

Kesedaran ini adalah perlu bagi membajakan semangat untuk berlumba-lumba dikalangan anak peneroka. Biro pelajaran JKRR tanah rancangan seharusnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam meninggikan usaha meningkatkan pelajaran anak peneroka. Melalui cara ini boleh meningkatkan lagi keyakinan para peneroka terhadap organisasi ini, di pihak ibupejabat tindakan susulan haruslah diambil bagi menyokong segala usaha yang diambil oleh pihak JKRR.

FELDA harus menambah bantuan yang berbentuk moral dan kewangan dengan lebih banyak lagi. Terutamanya dalam meningkat tawaran biasiswa, kemudahan lain seperti alat pandang dengar dan komputer. Di samping itu FELDA harus peka dengan masalah-masalah semasa terutamam dalam hal keperluan anak peneroka. FELDA disarankan menambah jumlah ASRAMA BAKTI. Diharapkan dengan pembinaannya diseluruh negeri di seluruh Malaysia, kerana dengan ini peneroka tidak perlu menghantar anak mereka belajar jauh-jauh.

Walaupun kita akui bahawa, sebahagian besar anak peneroka akan meninggalkan tanah rancangan, tetapi bagi

bagi mereka yang akan tinggal di kawasan rancangan ini akan mewarisi segala bentuk pentabiran tanah rancangan ini. Oleh itu untuk mendedahkan mereka mereka ini kepada ketahanan kepimpinan, belia harus banyak didedahkan kepada khusus kepimpinan dan seminar. Ini dapat dilakukan melalui persatuan belia. Cara ini dapat meluaskan pandangan dan fikiran semoga lebih matang, boleh menyelesaikan apa jua masalah yang mungkin dihadapi baik dalam bidang ekonomi sosial dan politik.

Disebabkan anak-anak peneroka adalah masa depan FELDA, maka pembangunan masyarakat peneroka seharusnya diiringi dengan pembangunan generasi ini. Harapan kita generasi kedua dapat hidup dalam suasana yang makmur aman dan berdikari serta bersyukur akan apa yang diperolehi dan dapat menjadi masyarakat yang bertanggungjawab.

Bahan rujukan

Buku-buku

1. Backtorm, G.H and Hursh; G, a Survey Research North
North Western press ILLnois, 1913
2. Fastenger and Kates, Research Methode in Behavioral
Sciences, Holt Rine Hart and Winston.U.SA
1955.
3. Moser and Kalton ; Survey Meyhode In Sciences
investagation, 2 nd edition.London.1971.
4. Mac Andrew. Mobility and modernization, The FELDA and
it roles Modernising the rural Malaya.
Gajah Mada University.1977.
5. Shamsul Amri Baharudin. Rancangan Malaysia Kedua
tujuan dan perlaksanaan sehingga awal 1975
M.A University Malaya.
6. Alladin Hashim. Land Development and the settlers some
social aspect of land Development Studies
7. Banci Penduduk, Jabatan perangkaan Malaysia, Uni penyelidikan
Malaysia, Kuala Lumpur. 1985.
8. Raymond Firth. Malay Fisher menn, Their Peasant Economy
Anchor Books, Hamden Cann, London.1966.
9. Rancangan Malaysia Kelima(1986-1990).Jabata percetakan
Malaysia.Kuala Lumpur. 1989.

Majalah, Risalah dan kertas Seminar

10. Laporan tahunan FELDA, Penerbitan FELDA, 1989
11. FELDA. Maklumat asas dalam pembangunan peneroka, Risalah Ibu pejabat FELDA, Kuala Lumpur. 1989
12. FELDA. Sumbangan FELDA terhadap Pembangunan Negara I BUPEJABAT FELDA, Kuala Lumpur. 1989.
13. Majalah Peneroka, Keluaran bulan Jun. 1989
14. Aladin Hashim, FELDA- satu tinjauan Makro. Persidangan pegawai FELDA. (7hb-9hb Julai 1977) Kuala Lumpur.
15. Mat Abas Yusof, Beberapa kegiatan sosial FELDA. Dalam kokolium Kebangsaan dan penghijrahan dan pertempatan di kawasan pembangunan Wilayah ¶ Seminar 31.10.-~~12~~.11.1977) Senter Highlands, paper 1.
16. Taib Andak. Land Development under the Federal Land Authority on programme and Techniques of Development Implementation in Malaysia report Seminar of Development Kuala Lumpur.